



# Sosialis



# 2018

# APAKAH HARAPAN UNTUK BERUBAH?

baca lanjut di m/s 8 & 9

## Imbas kembali tahun 2017

baca lanjut di m/s 4 & 11

WORLD  
INEQUALITY  
REPORT  
2018



Jurang kekayaan  
semakin lebar

> m/s 6



Di sebalik  
video viral  
MB Pahang

> m/s 5

Kerja 4 hari seminggu:  
realiti atau mimpi

> m/s 10

Pilihanraya  
Catalonia

> m/s 12

## DASAR PERJUANGAN PARTI SOSIALIS MALAYSIA

**Parti Sosialis Malaysia (PSM)** adalah satu parti politik rakyat Malaysia yang berasaskan prinsip dan ideologi sosialisme yang bersifat Perjuangan Rakyat berteraskan keadilan sosial dan ekonomi; bagi mewujudkan masyarakat demokratik yang aman, makmur, maju, berakhhlak mulia dan saksama. Ia berjuang untuk memenuhi keperluan asas rakyat dan membebaskan rakyat daripada sebarang bentuk penindasan dan pemaksaan.

### Bendera dan lambang



Lambang parti ialah genggaman tangan kiri yang melambangkan perpaduan rakyat dan semangat perjuangan. Merah melambangkan perjuangan dan putih melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam perjuangan.

### Matlamat PSM

- Mengamalkan prinsip sosialisme sebagai cara hidup.
- Mempertahankan masyarakat demokratik dan progresif yang mengutamakan kerohanian, kemanusiaan dan keadilan sebagai asas ke arah pembangunan.
- Memastikan strategi pembangunan yang mewujudkan hubungan seimbang antara keperluan sosial dan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan nasional.
- Mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama, Melaksanakan sistem sosioekonomi yang mempunyai mekanisme dalaman untuk menghalang penindasan dan sifat tamak.
- Memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum, jantina, agama, usia, pekerjaan dan menyertai proses mewujudkan persefahaman yang lebih jitu di kalangan kaum, agama dan budaya.
- Mengukuhkan hak asasi manusia pada setiap peringkat masyarakat dan mendedahkan sebarang bentuk penindasan, nepotisme, hipokrasi dan kepalsuan.
- Menghormati Perlembagaan Persekutuan yang menekankan kepada hak demokratik dan toleransi bahasa, budaya dan agama.
- Menjamin kebebasan bersuara, berpersatuhan dan kecapaian intelektual memberi keutamaan dalam tanggungjawab sosial terhadap kebijakan pekerja dan keluarga menjaminkan hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan pekerja memberi keutamaan institusi kekeluargaan khususnya kepada wanita yang mengandung, bayi, kanak-kanak, warga tua dan orang kurang upaya.
- Memastikan tidak berlaku penindasan dan diskriminasi di semua peringkat bagi sektor perindustrian dan pertanian.
- Mewujudkan rasa saling menghormati, memahami dan tolak ansur di kalangan semua



PSM adalah anggota kepada **Gabungan Kiri**, satu usahasama antara kumpulan dan individu dalam membina gerakan kiri sebagai alternatif untuk masyarakat Malaysia.

- agama dan budaya.
- Menyediakan peluang pendidikan percuma di semua peringkat dengan mewajibkan pendidikan di peringkat rendah dan menengah.
- Memastikan penyertaan guru dan pelajar dalam proses menentukan haluan sistem pendidikan nasional.
- Melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan pembinasaan.
- Mengurangkan biroksi dan menghapuskan karenah biroksi yang mengekang pembangunan.

### Mengapa Kita Perlu Satu Parti Sosialis?

Sistem yang ada kini telah gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat yang majoriti.

Sistem kapitalis ini hanya mengutamakan segelintir kecil masyarakat.

Untuk menumbangkan sistem kapitalis ini perlu ada sistem Sosialis yang lebih mementingkan aspek kemanusiaan, keadilan dan pengagihan kekayaan.

Parti Sosialis ini adalah untuk membela nasib majoriti rakyat iaitu para pekerja kilang, petani, nelayan, pekerja ladang, peniaga kecil, orang Asli, pelajar, pekerja semi-profesional dan sebagainya.

Masalah rakyat bukan di antara orang Melayu, Cina dan India atau di antara orang Islam dan bukan Islam. Tetapi orang kaya dan miskin. Kekayaan negara dimiliki dan dibolot oleh segelintir kecil masyarakat, anak dan kroni mereka. Manakala rakyat yang majoriti masih belum menerima bahagian.

Parti Sosialis lebih mementingkan isu-isu asas rakyat seperti pekerjaan, rumah, tanah, alam sekitar dan sebagainya. Parti Sosialis akan menyatukan tenaga semua golongan pekerja untuk mempertahankan hak kita.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti yang lahir dari perjuangan rakyat akarumbi di kilang, ladang dan kawasan miskin kota. Parti ditubuhkan sebagai alat untuk kaum pekerja dan golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk hak mereka. PSM meneruskan perjuangan menentang rasuah, penyelewengan dan perkauman golongan yang memerintah. Selagi penindasan rakyat ada, perjuangan ini akan berterusan.

Untuk sumbangan, sila buat cek atas nama:  
Parti Sosialis Malaysia  
No. Akaun Maybank:  
512080337313

## DARI MEJA PENGARANG

Tahun 2017 merupakan satu tahun yang hambar dalam politik Malaysia, apabila pembangkang aliran utama tidak menampilkan dirinya mampu mencabar kekuasaan kerajaan UMNO-BN, malah terpaksa membentuk gabungan secara rasmi dengan puak Mahathir yang membawa bagasi politik selaku penyebab kepada banyak permasalahan di negara kita. Dalam politik pilihanraya, menjalin kerjasama atau membentuk gabungan antara parti-parti politik yang berbeza ideologi itu memang sesuatu yang biasa, tetapi yang sangat aneh dan menimbulkan ketidaksenangan ramai penyokong pembangkang adalah bagaimana pemimpin-pemimpin pembangkang aliran utama sanggup membriarkan Mahathir yang terkenal dengan kezalimannya semasa berkuasa untuk memimpin gerakan pembangkang yang berhasrat untuk "selamatkan Malaysia" ataupun "bina semula negara".

Rakyat Malaysia akan berdepan dengan tahun 2018 yang amat mencabar, dengan Pilihanraya Umum (PRU) ke-14 semakin dekat. Walaupun sesetengah pemimpin Pakatan Harapan masih menaruh harapan besar pada Mahathir untuk membawa kemenangan kepada mereka dalam PRU akan datang, tetapi hakikatnya Pakatan Harapan terpaksa berdepan dengan realiti politik sama ada mereka masih boleh manafikan majoriti 2/3 BN dalam

parlimen atau tidak. Penafian majoriti 2/3 amat mustahak untuk gerakan pembangkang di negara kita, kerana kemenangan BN dengan 2/3 majoriti pastinya akan membolehkan kerajaan BN meminda Perlembagaan dengan mudahnya dan memperkenalkan lebih banyak lagi perubahan dalam sistem pilihanraya yang hanya akan menguntungkan parti pemerintah. Pencapaian demokrasi sememangnya akan terbantut sekiranya BN kembali menguasai kerusi majoriti 2/3 dalam parlimen.

Walau bagaimanapun, adalah sukar untuk rakyat yang inginkan perubahan terus bergantung dan mengharapkan sepenuhnya pada pemimpin-pemimpin pembangkang aliran utama yang tidak berpegang teguh pada prinsip perjuangan, malah melakukan perkara yang mengelirukan rakyat hanya untuk percaturannya dalam usaha mengambil alih kuasa.

Perubahan sosial yang bermakna untuk rakyat biasa, bukannya hanya sekadar mengantikan pemerintahan yang sedia ada dengan satu lagi pemerintahan yang baru, tetapi melibatkan perkembangan kesedaran rakyat yang pesat dan penglibatan rakyat secara aktif dalam proses membuat keputusan menentukan nasib bersama masyarakat kita. Sebarang percaturan politik yang meletakkan harapan sepenuhnya pada seorang dua pemimpin politik "hebat" hanya akan menghalang imaginasi rakyat untuk pembebasan sebenar. ##

# Langganh Akhbar Sosialis sekarang!

Jika anda mahu **AKHBAR SOSIALIS** dipos terus kepada anda, maka anda boleh berlanggan terus dengan kami.

Harga solidariti (termasuk harga setem) RM25 setahun (12 keluaran akhbar SOSIALIS Bahasa Melayu)

Nama: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

Telefon: \_\_\_\_\_

Faks: \_\_\_\_\_

E-mel: \_\_\_\_\_

Cek / Wang Pos / Draf Bank atas nama  
**PARTI SOSIALIS MALAYSIA**

Hantar kepada **Parti Sosialis Malaysia**

140A, Jalan Sultan Abdul Samad,  
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.

Tel/Faks: 03-22762247

E-mel: pusat@partisosialis.org

Laman web: <http://partisosialis.org/>

## Perasmian Pusat Khidmat PSM DUN Tronoh



Pusat Khidmat PSM DUN Tronoh telah dirasmikan pada 3 Dis lalu. Turut hadir dalam majlis perasmian adalah pimpinan pusat PSM, termasuk Nasir Hashim (Pengerusi PSM), M. Sarasvathy (Timbalan Pengerusi PSM), Sivarajan Arumugam (Setiausaha Agung PSM) dan S. Arutchelvan (AJK Pusat PSM). Pembukaan pusat khidmat di Tronoh mendapat sambutan dan sokongan daripada rakyat setempat,

kerana PSM telah bergerak aktif di kawasan tersebut untuk beberapa tahun kebelakangan ini, khususnya terlibat dalam perjuangan petani di situ.

PSM akan meletakkan Chin Kwai Heng, seorang petani yang giat dalam Gabungan Selamatkan Petani dan Pernak Perak, sebagai calon untuk DUN Tronoh.

## Pekerja Ladang Bangi dapat anugerah SUARAM



Jawatankuasa Bekas Pekerja Ladang Bangi telah mendapat Anugerah Hak Asasi Manusia SUARAM 2017.

Bekas Pekerja Ladang Bangi berjuang untuk hak perumahan selama 17 tahun, dan akhirnya mendapat rumah percuma. Ini merupakan salah satu perjuangan rakyat bawahan yang amat menakjubkan dalam mempertahankan hak mereka.

Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) menganjurkan Anugerah Hak Asasi setiap tahun untuk menghargai

perjuangan kumpulan-kumpulan masyarakat dalam menegakkan hak asasi manusia di Malaysia. Turut mendapat Anugerah Hak Asasi Manusia SUARAM tahun ini ialah "Citizen Action Group On Enforced Disappearance" (CAGED), sebuah gabungan masyarakat sivil yang memperjuangkan nasib orang yang hilang secara terancang.

SUARAM juga melancarkan laporan rumusan tentang keadaan hak asasi di Malaysia pada 7 Disember lalu di Kuala Lumpur.

## Isu banjir di Menglembu

PSM Menglembu telah menyerahkan satu memorandum kepada Bahagian Saliran Jabatan Kejuruteraan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) pada 22 Disember lalu berkenaan dengan isu banjir yang sering berlaku di kawasan Menglembu.

PSM Menglembu menggesa pihak MBI mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan masalah banjir di Menglembu.

Turut hadir semasa penyerahan memorandum ialah Sarasvathy (Timbalan Pengerusi PSM), Chin Kwai Leong (Bendahari PSM Menglembu) dan Kunasekaran (aktivis PSM Menglembu).



## Pekerja kontrak tuntut hak

Jaringan Pekerja Kontrak Kerajaan telah mengadakan satu aksi protes di hadapan Kementerian Pendidikan di Putrajaya pada 13 Disember lalu, dengan tuntutan pada pihak Kementerian supaya menyelesaikan kemelut yang dihadapi pekerja kontrak yang bekerja di premis Kementerian Pendidikan.

Menurut Rani Rasiah, Penyelaras Jaringan Pekerja Kontrak, kerja-kerja seperti pembersihan dan keselamatan di sekolah kerajaan yang disumberluarkan kepada kontraktor swasta telah mewujudkan masalah ketidakjaminan kerja yang serius kepada pekerja-pekerja

kontrak yang melakukan kerja-kerja ini.

Didapati banyak kontraktor tidak mengikut undang-undang buruh, sementara Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan pendidikan di peringkat negeri atau daerah pula cuba mencuci tangan dalam perkara menjaga kebijakan pekerja-pekerja kontrak yang bekerja di sekolah ini.

Sistem kontrak yang wujud sekarang ini untuk kerja-kerja pembersihan dan keselamatan di premis kerajaan, telah menjasaskan lagi kehidupan golongan masyarakat yang merupakan kategori 20% berpendapatan paling rendah (B20).



## Kampung Chim Lee protes depan DBKL



Penduduk-penduduk Kampung Chim Lee, Keppong, Kuala Lumpur, telah berprotes di hadapan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 21 Disember lalu, dengan membawa tuntutan kepada DBKL dan Menteri Wilayah Persekutuan supaya campurtangan dalam menyelesaikan masalah perumahan mereka.

Kampung Chim Lee menghadapi ancaman pengusiran apabila tanah diambil pemaju. Pemaju boleh membeli tanah dengan harga murah atas nama membina rumah mampu milik, namun penduduk asal yang menduduki tanah berkenaan telah dimangsakan kerana diancam pengusiran tanpa pampasan yang sewajarnya.

## Mahkamah tolak bon jamin terhadap 28 peneroka GATCO

Mahkamah Majistret Bahau telah menolak permohonan polis untuk mengenakan bon jamin terhadap 28 orang Peneroka GATCO pada 21 Disember lalu.

Sejak bulan Ogos lalu, polis Jempol cuba memohon bon jamin terhadap peneroka Gatco selepas permohonan reman terhadap mereka ditolak oleh Mahkamah.

Seramai 28 orang peneroka Gatco ditahan pada 18 Julai lalu, apabila mereka cuba menghalang pihak pemaju yang menceroboh dan mengangkat keluar pokok getah dari kawasan kampung mereka. Pada 20 Julai, Mahkamah Tinggi Seremban memutuskan untuk mengetepikan reman terhadap 28 orang peneroka yang ditahan polis selepas semakan kehakiman. Beberapa hari kemudian, pada 24 Julai, 31 orang peneroka Gatco ditahan tetapi dibebaskan pada hari yang sama.

Pihak pendakwaraya cuba menggunakan Seksyen 67 Kanun

Acara Jenayah (CPC) untuk memohon bon jamin terhadap peneroka Gatco. Seksyen 67 CPC membenarkan majistret mengenakan bon, sama ada dengan atau tanpa penjamin, terhadap seseorang yang "berkemungkinan melakukan pecah keamanan atau melakukan sebarang perbuatan salah yang boleh menyebabkan pecah keamanan" untuk tempoh tidak lebih daripada 6 bulan. Adalah dipercayai tindakan permohonan bon jamin tersebut berniat untuk menyekat peneroka Gatco yang mempertahankan tanah mereka daripada pencerobohan.

Keputusan Majistret menolak permohonan bon jamin terhadap peneroka Gatco ini, merupakan satu kemenangan untuk peneroka Gatco dalam perjuangan mereka yang masih lagi belum selesai untuk mempertahankan hak mereka. Peneroka Gatco telah berjuang bersungguh-sungguh untuk mempertahankan tanah mereka, dan mereka bertekad untuk meneruskan perjuangan yang berpanjangan ini.

# Malaysia dalam tahun 2017

Tahun 2017 merupakan satu tahun yang murung untuk politik Malaysia. Rakyat masih dibelenggu dengan masalah harian seperti gaji rendah dan kos hidup tinggi, sementara golongan politikus masih mempermainkan isu perkauman dan agama untuk memecah-belahkan rakyat dan mengalihkan perhatian umum daripada kepincangan pentadbiran negara.

## Rejim UMNO-BN yang korup masih berpegang kuat pada kekuasaannya

# 1MDB

1Malaysia Development Berhad



Skandal yang menghantui Perdana Menteri Najib Razak tidak kehabisan. Jabatan Kehakiman (DOJ) Amerika Syarikat meneruskan kes saman untuk merampas harta yang dipercayai diperoleh melalui wang yang diseleweng daripada 1MDB. DOJ mendakwa sebanyak USD 4.5 bilion telah diseleweng dan cuba merampas

harta yang bernilai USD 700 juta di samping USD 1 bilion yang telah diumumkan pada tahun 2016. Najib pula cuba berbaik-baik dengan Kerajaan AS pimpinan Donald Trump semasa lawatannya ke AS dengan mencadangkan wang KWSP dilaburkan dalam ekonomi AS.

## Pembunuhan Kim Jong-nam di KLIA2

Malaysia tidak dapat terlepas daripada ketegangan politik di rantau Asia Timur yang melibatkan Korea Utara, apabila Kim Jong-nam, abang kepada Pemimpin Agung Korea Utara Kim Jong-un, telah didapati dibunuh oleh pembunuhan upahan di lapangan terbang KLIA2. Duta Korea Utara telah dihalau keluar dari Malaysia, sementara kerajaan Korea



## Skandal Forex Bank Negara dikorek keluar semula

Skandal kewangan Bank Negara yang melibatkan aktiviti spekulasi matawang asing yang berlaku pada tahun 1990-an telah dikorek keluar semula dengan penubuhan Suruhanjaya Di-Raja Penyiasatan berkaitan isu tersebut. Adalah amat jelas tindakan kerajaan ini merupakan satu siasatan yang selektif untuk membongkarkan penyelewengan berlaku semasa zaman pemerintahan Mahathir.



## Mahathir menjelma sebagai "penyelamat" untuk Pakatan Harapan

Parti Bersatu yang dipimpin oleh Mahathir Mohamad, telah menyertai Pakatan Harapan untuk menjadi anggota terbarunya. Mahathir pula diangkat menjadi seolah-olah pemimpin utama Pakatan Harapan yang dikatakan bakal menggantikan UMNO-BN yang dulunya dipimpin oleh Mahathir sendiri, sehingga wujudnya cadangan Mahathir untuk menjadi Perdana Menteri jika Pakatan Harapan berjaya mengambil alih kuasa di peringkat Persekutuan. Perkembangan terbaru dalam politik pembangkang aliran utama ini memang mendedahkan kegagalan parti-parti pembangkang aliran

utama menawarkan diri sebagai alternatif yang sebenar dan berbeza sepenuhnya daripada UMNO-BN.



## Isu agama terus diapi-apikan

Isu agama masih terus dipermainkan oleh sesetengah golongan berkepentingan politik untuk memecah-belahkan rakyat yang berbilang kaum dan agama di negara kita. Isu dobi, Oktoberfest, RUU 355 dan sebagainya terus digunakan oleh pelbagai pihak untuk mengalihkan perhatian rakyat daripada permasalahan pokok dalam masyarakat kita.



## Orang hilang yang masih tidak ditemui

Pastor Raymond Koh dan 4 orang lagi telah hilang. Mereka dipercayai telah diculik dengan bermotifkan politik. Kumpulan masyarakat civil telah mendesak kerajaan untuk mengambil tindakan supaya menyiasat dan membendung perkara ini. SUHAKAM juga mengadakan siasatan terhadap isu ini.



## Rakyat terus hidup dalam tekanan ekonomi

Rakyat biasa masih terus menghadapi hidup yang penuh dengan tekanan ekonomi. Harga minyak petrol yang tidak menentu, gaji rendah, ketidakhadiran jaminan kerja, kenaikan harga barang dan sebagainya, tambahan pula dengan cukai barang dan perkhidmatan (GST), telah menjadikan beban kehidupan rakyat semakin berat untuk dipikul. Memang wujudnya kemarahan rakyat kerana kehidupan yang semakin tertekan. Cabaran kita adalah membina kuasa rakyat untuk menamatkan belenggu tekanan hidup ini.

# “Oke? Bye-bye, vanakam, vanakam, nandri...” Ada apa di sebalik video viral MB Pahang?

Satu video viral berkenaan dengan Adnan Yaakob, Menteri Besar Negeri Pahang, tidak mahu berjumpa dengan penduduk Cameron Highlands telah tersebar luas pada 12 Disember lalu.

Dalam video berkenaan, kelihatan Adnan Yaakob enggan berjumpa untuk berbincang dengan penduduk Cameron Highlands yang datang jauh ke Bangunan Yayasan Pahang di Kuantan untuk bertemu dengannya. Kedengaran Adnan Yaakob berkata pada penduduk Cameron Highlands dalam video tersebut, “kalau kamu boleh tunggu untuk 40 tahun, kenapa tak boleh tunggu lagi 10 tahun? Awak banyak cakap, sila balik.” “Oke? Bye-bye, vanakam, vanakam, nandri,” Adnan berkata demikian sambil berjalan masuk ke dalam bangunan.

Oleh sebab keenggan MB Pahang berjumpa untuk membincangkan masalah yang dibawa mereka, penduduk-penduduk Cameron Highlands terpaksa duduk bantah di hadapan Wisma Sri Pahang. Penduduk-penduduk yang bergabung dalam Jawatankuasa Tanah, Rumah dan Gerai (JTRG) ini telah berprotes dan tidur semalam di hadapan Wisma Sri Pahang. Pada hari keesokannya, Adnan Yaakob telah bersetuju untuk berjumpa dengan semua penduduk Cameron Highlands yang telah bermalam semalam di hadapan bangunan pejabatnya, kecuali Suresh Kumar, Setiausaha JTRG yang datang bersama penduduk Cameron Highlands.

Berikut ialah soal jawab berkaitan dengan apa yang berlaku.

## Apakah itu JTRG?

JTRG ialah nama singkatan untuk Jawatankuasa Tanah, Rumah dan Gerai yang ditubuhkan oleh PSM Cameron Highlands pada tahun 2008. JTRG memperjuangkan isu hakmilik tanah-tanah kecil di Cameron Highlands seperti tanah pertanian, rumah, ternakan dan gerai. Suresh Kumar memikul tanggungjawab

sebagai Setiausaha JTRG.

## Kenapa JTRG pergi berjumpa MB Pahang pada 12 Disember lalu?

JTRG telah membawa sebilangan kes-kes hakmilik tanah kecil penduduk Cameron Highlands kepada perhatian MB Pahang sejak tahun 2008. MB Pahang telah memberikan temujanji bertulis kepada Suresh Kumar untuk berbincang penyelesaian isu-isu ini yang ditetapkan tarikhnya pada 12 Disember 2017.

## Siapakah penduduk-penduduk yang menyertai perjumpaan ini?

Petani kecil – 3 orang, peneroka bandar – 5 orang, rumah-gerai ibu tunggal – 1 orang, penternak kambing dan lembu – 1 orang, pengusaha bengkel cuci kereta – 1 orang, pemilik rumah-kedai – 1 orang.

## Di manakah perjumpaan tersebut diadakan?

Perjumpaan sepatutnya diadakan di Bangunan Yayasan Pahang pada sekitar pukul 3.00 petang. Lokasi telah ditukar pada saat-saat terakhir oleh Setiausaha MB dari Wisma Sri Pahang ke Bangunan Yayasan Pahang.

## Apakah yang berlaku dalam perjumpaan tersebut?

MB Pahang telah turun ke lobi Bangunan Yayasan Pahang dan telah menyuruh Suresh supaya tidak masuk bersama penduduk untuk perbincangan. Alasan MB untuk tidak mahu Suresh turut serta dalam perbincangan adalah kerana Suresh telah mengkritik MB dalam posting Facebook. Alasan ini sangat remeh berbanding isu hakmilik tanah yang dibawa oleh JTRG.

## Adakah ini kali pertama MB Pahang menghalang Suresh dari menyertai perjumpaan dengan JTRG?

Tidak, ini adalah kali kedua. Suresh pernah dihalang daripada turut serta dalam perbincangan pada 19 Februari 2014.

## Kenapakah keluarga-keluarga ini berjuang untuk hakmilik tanah mereka di Cameron Highlands? Bukankah hakmilik tanah kecil ialah hak asasi kepada semua rakyat Pahang?

Cameron Highlands kini menjadi satu tempat eksklusif untuk golongan 1% penduduk dan ramai penduduk yang tidak mampu telah diketepikan.

- Projek-projek komersial diluluskan di atas kawasan rumah peneroka bandar tanpa gantian tempat lain. Ini menyebabkan banjir dan masalah-masalah lain.
- Pekebun kecil dan peternak dibuli kerana tidak diberi hakmilik.
- Permohonan tanah oleh golongan ini tidak dipandang serius oleh Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands. Berjumpa Pegawai Daerah Cameron untuk isu-isu keluarga ini adalah sangat mustahil.
- Peluang warga tempatan untuk bermiaga atau memperoleh kontrak kecil-kecilan dinafikan oleh kerana amalan kronisme dalam jabatan-jabatan kerajaan di Cameron Highlands.

## Apakah yang telah dilakukan selepas insiden di Bangunan Yayasan Pahang?

Penduduk Cameron telah pergi ke Wisma Sri Pahang dan bermalam di hadapan pintu masuk Wisma Sri Pahang. Mereka telah dijemput sekitar pukul 1 tengahari pada 13 Disember 2017 untuk berjumpa MB Pahang sekali lagi. Syarat yang



dikenakan masih sama, iaitu Suresh tidak boleh turut serta dalam perjumpaan. Suresh telah bersetuju dengan syarat ini dan telah meminta penduduk supaya berjumpa dengan MB Pahang tanpa kehadirannya. Selepas sehari berjuang dan bertahan, penduduk ini telah diperkasakan dan Suresh percaya bahawa penduduk boleh menguruskan mesyuarat ini tanpa kehadirannya.

## Apakah yang berlaku dalam mesyuarat dengan MB Pahang?

MB Pahang bersetuju dengan satu rangka masa untuk penyelesaian masalah keluarga-keluarga ini. Dalam rangka masa tersebut, bulan Mac 2018 diletakkan sebagai sasaran untuk masalah-masalah ini diselesaikan. Pengurus MIC Pahang, Goonasekaran, dipilih sebagai orang bertanggungjawab untuk mengendalikan isu ini.

## Adakah mana-mana keluarga JTRG pernah mendapat penyelesaian masalah hakmilik tanah sebelum ini?

Ya. 5 keluarga. Satu keluarga mendapat hakmilik tanah untuk membina semula rumah mereka di Ringlet, Cameron Highlands, tetapi hakmilik tanah ini diberikan terlalu dekat dengan sungai; kos membina dinding penahan sahaja akan menccah RM200,000! 4 petani mendapat hakmilik tanah pada bulan Jun 2017 dengan pajakan selama 20 tahun dan keluasan antara 1 hingga 2 ekar. 2 orang daripada petani ini telah meninggal dunia sejak mula berjuang 10 tahun lepas. ##

# Bekas pekerja Ladang Padang Meha duduk bantah di JPM tuntut campurtangan kerajaan untuk selesaikan masalah pampasan

Bekas pekerja dari Ladang Padang Meha, Padang Serai, Kedah, berprotes di hadapan Jabatan Perdana Menteri (JPM), Putrajaya, pada 18 Disember lalu, menuntut campurtangan Perdana Menteri untuk menyelesaikan masalah pampasan yang wajib diterima mereka tetapi telah tertangguh selama 22 tahun.

Seramai 212 orang pekerja di Ladang Padang Meha telah diberhentikan kerja pada 12 Mac 1995 tanpa sebarang pampasan apabila ladang tersebut dijual kepada MBF Country Homes & Resort Sdn Bhd (kini dikenali sebagai Syarikat Alamanda Development Sdn Bhd). Perjuangan untuk tuntutan pampasan akhirnya berjaya melalui tindakan mahkamah di mana pada tahun 2011, Mahkamah Tinggi Alor Setar telah memutuskan bahawa bekas pekerja Ladang Padang Meha

berhak untuk menerima pampasan yang sewajarnya berserta tambahan RM 22,500 setiap pekerja bagi tujuan ganti rumah.

Namun, sehingga hari ini, bekas pekerja Ladang Padang Meha masih tidak menerima wang tersebut kerana syarikat induk diisyiharkan muflis. Bekas pekerja Ladang Padang Meha telah banyak kali berbincang untuk mendapatkan pampasan tersebut melalui pihak pelikuidasi tetapi gagal. Yang menjadi kehairanan ialah banyak tanah milik ladang telah berjaya dijual dan melalui fasa pembangunan termasuk satu projek perumahan PR1MA di situ.

Sehingga hari ini, lebih 70 orang daripada 207 bekas pekerja Ladang

Padang Meha telah meninggal dunia tanpa menerima sebarang pampasan walaupun menang mahkamah.

Untuk menunggu jawapan daripada Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan permintaan untuk mendapatkan tarikh temujanji, bekas pekerja Ladang Padang Meha mengadakan aksi duduk bantah di hadapan Jabatan Perdana Menteri.

Pada waktu tengahari, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Wan Zulkifli, telah datang berjumpa bekas pekerja setelah diarahkan Timbalan Menteri Sumber Manusia, dan bersetuju

untuk mengadakan mesyuarat dengan bekas pekerja Ladang Padang Meha di Kementerian Sumber Manusia pada petang hari itu juga. Dalam mesyuarat berkenaan, pihak Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia bersetuju untuk memanggil mesyuarat 3-pihak di Jabatan Tenaga Kerja Kulim dalam masa terdekat untuk mencari penyelesaian bagi masalah yang berlarutan untuk 22 tahun ini. ##



# Jurang kekayaan semakin melebar

"Yang kaya terus kaya, yang miskin lagi miskin", selagi tiada perubahan pada sistem ekonomi global.

Menurut Laporan Ketidaksamarataan Dunia 2018, telah menunjukkan bahawa sejak tahun 1980, jurang antara yang kaya dengan yang miskin semakin hebat, apabila 0.1% penduduk dunia yang terkaya telah menambahkan kekayaan mereka sebanyak yang dimiliki oleh 50% penduduk dunia termiskin, ataupun bersamaan dengan 3.8 bilion orang.

Laporan Ketidaksamarataan Dunia yang diterbit pada 14 Disember 2017 ini, merupakan hasil usaha lebih 100 orang ahli ekonomi dan penyelidik dari lebih 70 buah negara, termasuk Thomas Piketty, Emmanuel Saez, Gabriel Zucman, Facundo Alvaredo dan Lucas Chancel. Laporan ini telah mendokumentari kemunculan ketidaksamarataan pendapatan dan kekayaan sejak tahun 1980 sehingga tahun 2016.

Dalam laporan tersebut, didapati ketidaksamarataan pendapatan berbeza mengikut rantau di dunia, di mana ketidaksamarataan pendapatan paling kurang di Eropah, sementara paling teruk di Timur Tengah. Pada tahun 2016, 10% penerima pendapatan yang teratas di Eropah menguasai 37% jumlah pendapatan negara di rantau tersebut. Penguasaan ke atas jumlah pendapatan negara oleh 10% penerima pendapatan teratas di China mencapai 41%, di Rusia 46%, di Amerika Syarikat (AS) dan Kanada pula 47%, di Afrika Sub-Sahara 54%, Brazil dan India pula mencapai 55%, manakala Timur Tengah menjadi

rantau yang paling tidak samarata apabila 10% terkaya menguasai 61% pendapatan negara.

Dalam hampir 4 dekad kebelakangan ini, ketidaksamarataan pendapatan telah meningkat di hampir semua negara, hanya berada pada kadar yang berbeza. Sejak tahun 1980, ketidaksamarataan pendapatan telah bertambah hebat di Amerika Utara, China, India dan Rusia.

Dari perspektif sejarah yang lebih luas, peningkatan dalam ketidaksamarataan berlaku apabila rejim egalitarian pasca Perang Dunia II yang wujud dalam bentuk berbeza (seperti negara kebajikan di Eropah) semakin dihancurkan dan digantikan dengan rejim neoliberal yang didominasi kepentingan korporat besar. Dasar-dasar neoliberal yang meliberalisasikan pasaran, mendukung penswastaan terhadap perkhidmatan awam dan mengurangkan pengawalseliaan terhadap modal, telah membentuk sebuah dunia yang semakin tidak adil.

Fenomena yang kaya menjadi semakin kaya sementara yang miskin semakin miskin, memberi amaran kepada dunia bahawa sistem ekonomi dunia kita sedang mengalami masalah sistemik yang serius. Sudah munculnya seruan untuk mengambil tindakan yang lebih keras terhadap tempat berlindung cukai luar pesisir (di mana golongan kaya menyimpan kekayaan mereka di situ untuk mengelakkan diri daripada cukai) dan meletakkan isu ketidaksamarataan dalam agenda

politik utama dunia.

Penulis Laporan Ketidaksamarataan Dunia mengatakan bahawa selagi kerajaan di dunia tidak mengambil tindakan bersama yang diselaraskan untuk meningkatkan cukai dan membendung pengelakan cukai, maka masalah ini akan semakin teruk. Laporan Ketidaksamarataan Dunia menganggarkan bahawa lebih kurang 10% kekayaan dunia disimpan di tempat berlindung cukai pada takat ini.


Penguasaan pendapatan oleh 1% teratas di dunia boleh meningkat daripada hampir 20% pendapatan dunia hari ini kepada lebih 24% pada tahun 2050, sementara pendapatan yang diperoleh 50% terbawah di dunia boleh berkurang lagi dari 10% kepada kurang daripada 9%.

Jurang kekayaan yang semakin melebar merupakan faktor yang penting kepada pergolakan dunia yang tidak stabil. Kemenangan Donald Trump dalam pilihanraya Presiden AS dan undi Brexit di UK, merupakan sebahagian daripada akibat permasalahan yang serius ini. Dengan Trump mengurangkan lagi cukai terhadap golongan korporat, sudah pastinya ketidaksamarataan sosial akan menjadi lebih teruk lagi.

Kita tidak boleh harapkan pada golongan pemerintah yang mahakaya untuk

melakukan "reformasi" terhadap sistem ekonomi yang penuh kepincangan ini. Kita perlu membina sebuah gerakan rakyat untuk menentang ketidaksamarataan dan menutup jurang antara yang kaya dengan yang miskin. ##

Laporan Ketidaksamarataan Dunia 2018 (dalam Bahasa Inggeris) boleh dimuat turun di sini: <http://wir2018.wid.world/files/download/wir2018-full-report-english.pdf>



# Pemuda dianiayai dan didera polis Ayer Tawar

PSM Perak telah menyerahkan satu memorandum di Ibupejabat Polis Kontinjen Perak pada 21 Disember lalu, berkenaan dengan satu kes keganasan dan salahguna kuasa polis, bersama dengan mangsa salahguna kuasa polis, Divyashanthen a/l Rajendran dan keluarganya.

Dalam memorandum tersebut, PSM mengecam tindakan pihak polis yang berketerlaluan dan menyalahgunakan kuasa dalam kes penahanan Divyashanthen a/l Rajendran. PSM membuat aduan kepada Ketua Polis Negeri Perak tentang pencabulan hak asasi manusia yang berlaku ke atas Divyashanthen semasa ditahan pada 1-5 Disember lalu di Balai Polis Ayer Tawar. Antara pencabulan yang ber-

laku ke atas Divyashanthen termasuk penderaan yang mengakibatkan kecederaan, pemaksaan untuk membuat pengakuan palsu, tidak dibenarkan untuk mendapatkan khidmat peguam, penahanan yang bersifat menghukum dan penggunaan kekerasan yang tidak munasabah terhadap si mangsa. Cara polis melayan Divyashanthen semasa penahanan dan siasatan tidak selaras dengan apa yang diperuntukkan dalam Kanun Acara Jenayah (Akta 593).

Menurut Karthi, aktivis PSM yang menemani si mangsa dan keluarganya semasa penyerahan memorandum, Divyashanthen yang berumur 21 tahun ditahan di bawah

Seksyen 186 Kanun Keseksaan (menghalang penjawat awam dalam menjalankan fungsi jawatannya) kerana cuba melarikan diri dengan menunggang sebuah motosikal apabila dua motosikal polis secara tiba-tiba mula mengekorinya dari belakang. Namun, Divyashanthen menyedari kesilapannya dan memberhentikan motosikal di hadapan Taman Perumahan Awam Ayer Tawar. Pada ketika itu, Divyashanthen disepak dan ditendang oleh dua orang polis yang tidak memakai pakaian seragam di khalayak orang ramai. Divyashanthen kemudiannya dibawa ke Balai Polis Ayer Tawar. Keluarga Divyashanthen tidak dibenarkan untuk berjumpa dengannya oleh polis. Di Balai Polis Ayer Tawar pula, Divyashanthen telah dipukul, ditampar dan ditendang oleh sekumpulan anggota secara beramai-ramai, dan dipaksa untuk mengaku bahawa dia ialah ahli kumpulan samseng. Divyashanthen enggan berbuat demikian dan dipukul dengan lebih hebat lagi sehingga berlumuran darah. Divyashanthen tidak mempunyai sebarang rekod jenayah sebelum ini.

Pihak polis juga menyalahgunakan proses reman dengan mendapatkan reman selama 4 hari, sedangkan Divyashanthen telah memberi kerjasama yang sepatutnya semasa siasatan yang bermula dari awal lagi.

Divyashanthen kemudiannya didakwa pada 5 Disember 2017 di Mahkamah Majistret Manjung di bawah Seksyen 186 Kanun Keseksaan dan diikat jamin dengan wang jaminan RM 3,000.

Tindakan ganas oleh polis di Ayer Tawar terhadap Divyashanthen merupakan sesuatu yang amat melampau, dan tidak menunjukkan tahap keprofesionalan yang sepatutnya diamalkan oleh anggota polis.

Oleh yang demikian, PSM dan ahli keluarga Divyashanthen menuntut pada Ketua Polis Negeri Perak supaya:

- Mengadakan siasatan terhadap segala pencabulan yang berlaku ke atas Divyashanthen.
- Mengambil alih siasatan atau menubuhkan pasukan khas yang profesional dan berkecuali untuk menyiasat kes ini secara bebas dan tanpa campurtangan pihak yang terlibat.
- Semak balik sama ada tuduhan ke atas Divyashanthen itu berasas atau tidak.
- Mengambil tindakan segera terhadap anggota polis yang terlibat dalam kes ini dan gantung kerja mereka sehingga siasatan selesai. ##



# Penduduk PPR Padang Tembak mohon batal notis pengusiran paksa

5 keluarga yang tinggal di rumah pangsa Projek Perumahan Rakyat (PPR) Padang Tembak, Ayer Itam, Pulau Pinang, telah mengadakan protes di hadapan Kompleks Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 29 Disember lalu untuk menuntut pada kerajaan Pulau Pinang supaya membatalkan notis pengusiran paksa terhadap mereka dan meminta untuk satu perbincangan segera dengan Jagdeep Singh Deo, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang (EXCO) yang bertanggungjawab dalam hal ehwal Perancangan Bandar dan Desa dan Perumahan. Satu memorandum telah diserahkan kepada wakil Kerajaan Negeri.

Kelima-lima keluarga penghuni rumah pangsa PPR Padang Tembak tersebut telah menerima notis pengusiran paksa, kerana pelbagai sebab yang tidak munasabah.

Menurut Karthiges, AJK Pusat PSM yang bersama dengan penduduk PPR Padang Tembak dalam aksi ini, "terdapatnya propaganda yang disebarluaskan dalam media bahawa penduduk PPR Padang Tembak ini tidak membayar sewa bulanan. Ini sebenarnya memesong daripada fakta sebenarnya. Sebahagian penduduk setuju bahawa keluarga mereka mempunyai tunggakan bayaran sewa tetapi sejak beberapa tahun ini, bayaran sewa bersama tunggakan adalah sangat memuaskan dan ini diakui sendiri oleh pihak pengurusan PPR. Mereka diancam pengusiran kerana sebab-sebab lain yang tidak masuk akal."

Pada awalnya, penduduk PPR Padang Tembak yang berkenaan telah datang ke Kompleks Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Bangunan Komtar selepas tindakan pihak Bahagian Perumahan mengunci rumah Hairoon bt KN Shaikathi Mastan, dan hanya memberi 15 minit untuk mengosongkan rumah tersebut. Penduduk tidak puas hati terhadap layanan sebegini dan telah datang beramai-ramai ke Komtar untuk membuat rayuan. Rumah tersebut telah dibuka semula dan penduduk yang terlibat dijanjikan satu keputusan dalam tempoh masa seminggu untuk mencari satu penyelesaian kepada masalah mereka.

Namun, penduduk yang berkenaan hanya mendapat maklum balas melalui telefon bahawa notis pengusiran dikekalkan dan hanya boleh merayu dengan syarat tertentu.

Tuntutan penduduk PPR Padang Tembak yang menghadapi pengusiran ini kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah:

## 1. Batalkan segera notis pengusiran paksa.

## 2. Penduduk PPR Padang Tembak yang sedang diusir ini harus diiktiraf sebagai Generasi Kedua Peneroka Bandar.

a. Hampir semua daripada mereka adalah generasi kedua daripada kawasan peneroka bandar di Jalan Transfer dan Jalan Sekerat, Georgetown.

b. Mereka atau ibu bapa mereka

menjadi mangsa pengusiran paksa dari kawasan-kawasan peneroka ini dengan alasan akan wujud projek pembangunan perumahan di situ. Tetapi kebanyakan kawasan tersebut dibangunkan untuk tujuan komersial bukan perumahan. Keluarga mereka terpaksa memohon rumah PPR dan akhirnya ditawarkan rumah sewa di Padang Tembak. Kini, generasi kedua ini diusir pula dari PPR Padang Tembak apabila generasi pertama telah meninggal dunia. Anak-anak peneroka dianggap pemohon baru dan perlu melepassi syarat-syarat permohonan PPR yang sebenarnya sudah ketinggalan zaman.

## 3. Abaikan syarat-syarat perumahan PPR yang anti-pekerja.

- a. Gaji minimum telah dinaikkan ke RM 1000 sebulan sejak tahun lalu. Paras kemiskinan pula ditetapkan pada RM 860. Mengapakah syarat pendapatan maksimum untuk permohonan rumah PPR di Pulau Pinang masih ditetapkan pada kadar RM 750?
- b. Semua mangsa pengusiran adalah rakyat daripada golongan B40 atau pekerja biasa seperti operator kilang, tukang pembersih, buruh kasar dan sebagainya. Gaji mereka hanyalah RM 1000. Namun, ini membuatkan mereka disasarkan sebagai tidak layak untuk menduduki rumah PPR.
- c. Penduduk agak keliru dengan syarat anti-pekerja ini kerana ini memberi bayangan palsu bahawa hanya mereka yang tidak bekerja formal sahaja boleh menduduki rumah PPR. Adakah pekerja biasa yang berpendapatan rendah dengan hanya gaji minimum RM 1000 tidak layak untuk menduduki rumah PPR?

## 4. Abaikan syarat-syarat perumahan PPR yang anti-wanita.

- a. Sebab pengusiran salah seorang penduduk di sini adalah pasangannya merupakan warganegara luar. Suami Jarina ialah warganegara luar yang sudah memohon status penduduk tetap di Malaysia. Mereka ialah pekerja bawahan yang menerima gaji minimum. Bagaimanakah Jarina boleh dilabelkan sebagai tidak layak hanya kerana beliau bersuamikan seorang warga asing?
- b. Bukanlah syarat sebegini ialah satu diskriminasi terhadap kaum wanita? Adakah syarat tersebut menyatakan kaum wanita yang miskin daripada golongan B40 tiada hak untuk memilih pasangan hidupnya hanya semata-mata untuk membolehkan beliau tinggal di rumah PPR?
- c. Mengapakah syarat sebegini yang ketinggalan zaman, jahil dan anti-demokrasi masih

digunakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

## 5. Mengapakah syarat Kerajaan Negeri sangat bertentangan dan tidak bersesuaian berbanding dengan syarat-syarat PPR Persekutuan?

Berdasarkan laman sesawang Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (<http://ehome.kpkt.gov.my/index.php/pages/view/133>), antara syarat utama yang ditetapkan untuk projek PPR rakyat Malaysia ialah:

- i. Warganegara Malaysia. Tidak dinyatakan akan keperluan status pasangan sepertimana di Pulau Pinang.
- ii. Berumur 18 tahun ke atas.
- \* negeri Pulau Pinang masih meletakkan syarat 21 tahun ke atas.
- \* Sekiranya Kerajaan Pakatan Harapan menyeru had mengundi dikurangkan kepada 18 tahun, mengapakah had mendapat rumah PPR pula diketatkan? Naib Pengurus DAP, M. Kula Segaran, pernah bertanya, 'jika orang muda dalam usia 18 tahun sudah dibenarkan untuk menandatangani kontrak dan dikenakan cukai, saya tidak faham mengapa mereka perlu menunggu tiga tahun lagi sebelum dibenarkan untuk mengundi?' (<http://amanahdaily.com/index.php/2017/09/26/turun-had-umur-layak-mengundi-dan-laksana-sistem-pendaftaran-pengundi-automatik/>).
- \* Bukankah menjadi tanggungjawab kerajaan negeri untuk memenuhi keperluan asas kaum pekerja muda atau mereka hanya dijadikan sasaran pengundi kita?
- iii. Pendapatan isi rumah ialah RM 2500 sebulan.

- \* Negeri Pulau Pinang meletakkan syarat pendapatan isi rumah kurang RM 1500. (<https://erumah.penang.gov.my/index.php/ms/syarat-mohon>) Pendapatan isi rumah kasar purata Pulau Pinang adalah antara yang tertinggi di Malaysia dengan kadar RM 6771 (tahun 2016), dan pendapatan keluarga B40 di Pulau Pinang kebanyakannya mempunyai pendapatan isi rumah melebihi RM 1500 jika kedua-dua suami isteri bekerja (dengan gaji minimum RM 1000 sebulan), maka meletakkan syarat pendapatan isi rumah kurang RM 1500 untuk PPR adalah tidak masuk akal.

## 6. Masih wujud banyak rumah kosong di kawasan rumah pangsa PPR Padang Tembak.

- a. Penduduk yang diusir juga tidak faham mengapa mereka diusir padahal masih wujud banyak rumah kosong di kawasan perumahan PPR ini.
- b. Jika wujud permintaan untuk permohonan rumah PPR di



kawasan ini, mengapakah pihak kerajaan tidak memenuhi rumah-rumah kosong tersebut?

## 7. Selaraskan sewa berdasarkan kadar PPR semasa.

- a. Untuk rumah dua bilik, kadar yang dimohon penduduk ialah RM 110 sebulan dicampur dengan tunggakan RM 110 (jika ada) dengan jumlah keseluruhan RM 220 sebulan.
- b. Untuk rumah satu bilik, kadar yang dimohon ialah RM 90 sebulan dicampur dengan tunggakan RM 90 (jika ada) dengan jumlah keseluruhan RM 180 sebulan.
- c. Penduduk yang terlibat masih sedia berunding untuk selaraskan kadar cadangan ini.

## 8. Hormati hak untuk rumah sebagai hak asasi manusia.

- a. Kerajaan negeri harus sedar bahawa wujudnya kekurangan dalam penyediaan rumah mampu milik untuk golongan bawah B40 di Pulau Pinang.
- b. Pekerja biasa tidak mampu untuk membeli atau menyewa rumah di kawasan pulau kerana spekulasi harga rumah yang sangat tinggi dan di luar kecapaian warga miskin.
- c. Jika diteliti, hampir semua daripada penduduk yang diusir ini kini sedang membayar dengan sewajarnya kadar sewa serta tunggakan mereka. Maka, kerajaan harus bertanggungjawab menyediakan kemudahan perumahan untuk penduduk yang berpendapatan rendah ini. Kerajaan bukannya pihak bank yang meletakkan wang ringgit sebelum rakyat.

## 9. Jangan mengintimidasi penduduk dengan kuasa polis.

## Rumah bukan komoditi untuk keuntungan

Penduduk PPR Padang Tembak yang menghadapi ancaman pengusiran ini meminta pihak Kerajaan Negeri mengaturkan satu mesyuarat dengan mereka dan memberikan peluang kepada mereka untuk menjelaskan masalah mereka. Jika mereka terus diusir keluar dari rumah kediaman sekarang, mereka akan menjadi gelandangan. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang sanggup membiarkan rakyat bawahan yang tinggal di rumah pangsa PPR menjadi gelandangan?

Penyediaan kemudahan perumahan untuk rakyat biasa adalah tanggungjawab kerajaan dan tidak harus dijadikan komoditi untuk keuntungan mana-mana pihak, baik swasta maupun kerajaan. ##

# Cabaran menanti rakyat dalam tahun 2018

oleh Sivarajan Arumugam

Tahun demi tahun, cabaran kepada rakyat marhaen semakin meruncing akibat daripada dasar dan trajektori pembangunan negara yang sedang dipacu oleh Kerajaan pimpinan UMNO-Barisan Nasional. Tetapi pada masa yang sama juga, rakyat juga mula sedar bahawa, setelah dua penggal mentadbir di peringkat negeri, model pentadbiran alternatif yang sepatutnya diterajui oleh Pakatan Harapan juga tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan.

Maka, tahun 2018 juga akan menjadi satu lagi tahun yang mencabar, tidak kira rakyat di bawah pemerintahan yang mana. Apakah cabaran yang kita jangkakan akan dihadapi rakyat?

## Tahun pilihanraya

Kini sudah tibanya masa yang ditunggu-tunggu oleh kebanyakan ahli politik sama ada pemerintah atau pembangkang. Sudah pasti Pilihanraya Umum ke-14 akan diadakan pada tahun 2018, mungkin seawal bulan Mac 2018.

Walaupun ahli politik amat teruja dengan PRU-14 ini, tetapi sentimen rakyat amat berbeza sekarang jika kita bandingkan dengan sentimen semasa PRU-12 dan PRU-13 yang lalu. Setelah memperlihatkan gelagat pihak pembangkang, ramai yang kecewa dengan kewujudan pertarungan pelbagai penjuru yang akan berlaku nanti. PRU-14 pada tahun 2018 akan menyaksikan perdarungan 3 penjuru antara BN lawan Pakatan Harapan lawan Gagasan Sejahtera (PAS+Ikatan).

Maka, walaupun kemarahan rakyat untuk menurunkan Najib itu begitu membawa, tetapi pada realitinya kemenangan BN nampaknya cerah. Ini adalah kerana sentimen pengundian rakyat dipengaruhi oleh pelbagai faktor, seperti:

- i. Bagaimanakah ahli dan penyokong PAS akan mengundi?;
- ii. Undi Melayu yang akan pecah tiga antara BN, PH dan PAS;
- iii. Kaum Cina yang menyokong pembangkang tetapi membenci Mahathir;
- iv. Generasi reformasi yang terperangkap dengan dilema menyokong PKR dan PH tetapi sukar menerima Mahathir;
- v. Generasi muda yang merasakan pembangkang telah mengkhianati perjuangan apabila menjadikan Mahathir sebagai pengurus PH;
- vi. Golongan kelas menengah yang tidak akan keluar mengundi kerana tidak puas hati dengan kedua-dua BN dan PH.

Dengan sentimen yang bercampur-campur ini, amat sukar juga untuk menjangkakan keputusan PRU-14.

## Ekonomi negara

Satu perkara yang jelas dalam minda rakyat adalah, keputusan pilihanraya tidak akan membawa satu perubahan yang mendadak dalam kehidupan rakyat. Laporan *Global Economic Outlook* menjangkakan bahawa pertumbuhan ekonomi untuk Malaysia

akan berkurang dari 5.5% ke 5% untuk tahun 2018, memandangkan penurunan harga minyak dan komoditi lain. (*Conference Board*, pengkaji bebas di New York).

Di peringkat antarabangsa pula, ekonomi akan ditentukan oleh penggerak-penggerak utama seperti di negara-negara Eurozone, China dan Amerika Syarikat. Maka, negara-negara yang sedang membangun berlumba-lumba untuk memeteraikan perjanjian perdagangan bebas dengan negara maju. Pada masa yang sama, mereka mengorbankan hak rakyat dan kedaulatan negara. Kemungkinan besar juga perjanjian RCEP (dengan China) ataupun TPPA (tanpa Amerika Syarikat) akan cuba dijayakan dalam tahun 2018.

## Nasib pekerja

Mengikut Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF), mereka menjangkakan kebanyakan majikan akan mengetatkan pengambilan pekerja baru ataupun mengurangkan tenaga kerja mereka sebagai langkah mengurangkan kos bisnes mereka. Mereka mengatakan bahawa tahun 2018 akan memperlihatkan peningkatan kos apabila levi pekerja asing mula ditanggung oleh majikan, kenaikan kos barang mentah, pengangkutan dan sebagainya. Pihak majikan juga sudah mula merungut mengenai keperluan mereka untuk membuat caruman kepada Skim Insurans Pekerjaan yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2018.

Oleh itu, kemungkinan besarnya majikan akan menstruktur semula bisnes mereka dengan membuang pekerja. Bilangan pekerja yang kehilangan kerja mungkin akan naik, tetapi dengan adanya Skim Insurans Pekerjaan (SIP), maka para pekerja tersebut sepatutnya dilindungi di mana mereka akan menerima elaun bulanan jika kehilangan kerja. Mengikut pihak PERKESO yang mengendalikan SIP ini, para pekerja hanya layak menerima manfaat jika telah mencarum lebih dari satu tahun, tetapi kita harus menuntut agar para pekerja yang dibuang kerja pada tahun 2018 juga dapat menerima elaun-elaun SIP ini.

## Adakah gaji minimum akan naik?

Tahun 2018 juga merupakan tahun di mana gaji minimum diselaraskan semula oleh Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) di bawah Kementerian Sumber Manusia. Pihak MPGN juga telah mula mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk mendapatkan maklumbalas sebelum mencadangkan kenaikan gaji minimum kepada Kerajaan. Tetapi kita menjangkakan tentang hebat daripada persekutuan majikan yang akan sekali lagi merungut tentang isu kenaikan kos perniagaan. Tetapi mereka cemas jika kita mempertikaikan peningkatan gaji para pengurusan atasan sesebuah syarikat swasta di Malaysia. Kajian terkini menunjukkan bahawa seseorang eksekutif pengurusan tinggi menerima gaji purata RM 45,000 sebulan! Ini adalah 45 kali ganda berbanding gaji minimum

seorang pekerja biasa. Jurang gaji dalam sesebuah organisasi syarikat swasta ini amat menjijikan dan harus dipersoalkan.

Cadangan yang dibawa oleh PSM adalah gaji minimum ini tidak seharusnya kurang daripada RM 1500 sebulan sekarang.

## Kenaikan harga barang dan perkhidmatan

Tahun 2018 juga akan memperlihatkan kenaikan harga barang keperluan asas dan perkhidmatan awam. Harga gas mentah dijangka naik untuk kegunaan domestik dan juga komersial. Maka sudah tentu ianya akan menyebabkan satu kesan rantai ke atas semua barang keperluan lain.

Kadar tarif elektrik juga sepatutnya dikaji semula pada tahun 2018. Walaupun baru-baru ini diumumkan oleh Maximus Ongkili selaku Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, bahawa tarif elektrik di Semenanjung Malaysia akan dikenakan pada 38.53 sen/kilowatt/jam sehingga tahun 2020, tetapi kemungkinan besar ianya bermotifkan politik untuk mengelakkan kemarahan rakyat semasa PRU-14 yang dijangka akan diadakan pada suku pertama tahun 2018. Oleh kerana kos Tenaga Nasional Berhad bergantung sangat kepada harga petroleum dan gas dunia, kita pasti bahawa TNB akan mendesak Kerajaan untuk kenaikan tarif selepas PRU-14 selesai.

## Rumah mampu milik atau mampu tengok sahaja!

Para peniaga hartanah menjangkakan bahawa harga rumah di Malaysia akan kekal tidak mampu dimiliki oleh rakyat Malaysia pada tahun 2018. Ianya akan kekal pada tahap 4.4 kali pendapatan median rakyat. Maksudnya jika pendapatan median ialah RM 5,228, menjadikan  $RM 5,228 \times 12 \text{ bulan} = RM 62,736$  setahun; maka 4.4 kali pendapatan tahunan ialah  $(RM 62,736 \times 4.4) = RM 276,038$ . Sememangnya rumah kini hampir kebanyakannya dijual dengan harga melebihi RM 250,000! Rumah inisiatif Kerajaan, iaitu PR1MA, juga dijual dengan harga sedemikian.

Oleh yang demikian, peratusan rakyat terutamanya generasi muda yang tidak memiliki rumah bertambah. Situasi ini mungkin menyebabkan bekalan rumah berlambak tanpa pembeli kerana kuasa beli rakyat menurun. Keadaan ini juga akan mendorong Kerajaan meliberalisasikan polisi pemilikan rumah dan membenarkan rakyat asing berkemampuan membeli rumah sebagai pelaburan.

Dengan wujudnya fenomena sebegini, pihak bank juga akan mengeksplorasi keadaan dengan menawarkan rumah lama melalui proses perlelongan. Maka, berkemungkinan pihak bank akan lebih tegas dengan peminjam. Jika

peminjam gagal membayar ansuran rumah, terutamanya rumah kos rendah (RM42,000) dan sederhana rendah (RM70,000), bank akan merampas rumah tersebut dan melelongkannya kerana sudah pasti akan mencapai harga yang menarik, memandangkan ada pembeli yang sedia membelinya pada harga kurang daripada RM200,000. Justeru, kes rakyat marhaen kehilangan rumah melalui proses perlelongan ini akan bertambah kritikal.

## Hak asasi manusia

Selagi struktur dan misi ekonomi dan pembangunan negara tidak berubah, maka hak asasi rakyat marhaen akan sentiasa tergadai dan harus diperjuangkan. Demikian juga pada tahun 2018, akan tertimbulnya pelbagai cabaran kepada rakyat yang akan berdepan dengan perampasan tanah kampung, pemusnahan tanah adat Orang Asli/Asal, salahguna kuasa polis, perobohan rumah peneroka, pendakwaan terhadap pengkritik-pengkritik kerajaan dengan Akta Hasutan dan Akta Komunikasi dan Multimedia serta lain-lain lagi.

Apabila peluang ekonomi semakin meruncing, para kapitalis akan menjadi lebih rakus untuk merampas tanah, memusnahkan alam sekitar dan menindas sesiapa sahaja yang menghalang motif mereka untuk mencari keuntungan.

## Pembangunan untuk siapa?

Tahun 2018 akan memperlihatkan kerakusan pihak-pihak yang mengejar keuntungan dengan pelbagai projek infrastruktur mega yang sudahpun diluluskan pada tahun 2017 atau sebelumnya. Pada tahun 2018, ianya akan dilaksanakan dengan sepenuhnya. Tidak kira di negeri Pakatan ataupun BN, projek mega yang mengkayakan kroni dan meminggirkan rakyat terus berjalan. Di Selangor pula, pelbagai projek lebuhraya yang memusnahkan hutan simpanan sedang giat dibina, seperti EKVE, SUKE dan DASH. Projek tambakan laut juga giat berlangsung di Pulau Pinang sehingga menjadikan kehidupan nelayan kecil. Projek terowong bawah tanah di antara Perai dan Pulau Pinang juga sudahpun pada peringkat kelulusan akhir. Dengan cara yang sama, tahun 2018 akan menyaksikan pengusiran ribuan Orang Asli di Kelantan dan Pahang melalui pembinaan Empangan Hidro Elektrik di Nenggiri Kelantan dan Telom Pahang. Pelbagai perancangan yang serupa juga telah digariskan di Sabah dan Sarawak untuk membina empangan hidro di situ. Persoalannya adalah, pembangunan ini untuk siapa sebenarnya?

(sambung di m/s 13)



# Apakah harapan untuk berubah?

oleh S. Arutchelvan

Mengikut *The Economist*, ramalan untuk tahun 2018 bagi Malaysia adalah, "dalam jangkamasa pendek, persiapan untuk pilihanraya akan menguasai keadaan politik. Walaupun pilihanraya tidak perlu dipanggil sebelum bulan Ogos 2018, kami percaya bahawa Parlimen akan dibubarkan lebih awal, untuk membolehkan pilihanraya diadakan sebelum bulan April 2018. Memandangkan Pembangkang berpecah kepada dua kumpulan, nampaknya Barisan Nasional mempunyai peluang yang baik untuk menang tanpa mengira bila pilihanraya dipanggil. Kami meramalkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (GDP) sebenar untuk tahun 2017 sebagai 5.8%, akan menurun ke purata 5.3% antara tahun 2018-2022.

Pandangan daripada *The Economist* di atas memang satu ramalan yang mempunyai kewibawaannya dan sesuatu yang nampaknya realistik, kecuali sesuatu yang luarbiasa berlaku antara sekarang hingga PRU.

Tahun 2018 adalah tahun pilihanraya. Apabila Najib ditanya akhbar semasa Perhimpunan Agung UMNO, dia berkata tidak ada apa-apa kejutan, PRU kena dipanggil sebelum bulan Jun. PRU juga tidak boleh dipanggil lebih lambat, kerana Anwar Ibrahim akan dibebaskan dan beliau masih mampu memainkan peranan untuk membawa pembangkang bersama. Maka, spekulasi ramai orang bahawa PRU akan dipanggil pada bulan Mac mempunyai justifikasi yang munasabah.

Saya cukup yakin bahawa keputusan PRU sudahpun ditentukan oleh SPR melalui manipulasi persempadan semula dan daftar pengundi. Maka, pemenang PRU akan ditentukan sebelum pilihanraya sendiri, walaupun ramai orang akan menunaikan tanggungjawab mereka untuk pergi mengundi pada hari mengundi dengan harapan supaya membawa satu perubahan. Mungkin hanya mereka yang bercadang untuk memulakan pilihanraya (boikot) tidak akan terasa tertipu.

Di bawah ini, saya hendak mengutarakan lima perkara yang memang akan menghamparkan mereka yang yakin bahawa perubahan boleh berlaku melalui peti undi dalam PRU akan datang ini.

- Kerajaan dan Pendaftar Pertubuhan (ROS) adalah di bawah kawalan penuh Kerajaan BN. Adakah mereka akan membenarkan Gabungan Parti Pakatan Harapan didaftarkan sebagai satu parti atau dibenarkan menggunakan logo bersama sebelum PRU? Jika mereka tidak dibenarkan logo bersama, maka mereka akan bertanding mengikut logo apa? Adakah parti Amanah dan parti Bersatu akan berani menggunakan logo parti masing-masing yang mungkin tidak popular di kalangan orang ramai? Maka apakah logo yang akan dipromosi menjelang PRU? Adakah PH mempunyai cukup masa untuk mempromosi logo bersama jika ia dibenarkan pada saat terakhir? Jika PH tidak dibenarkan, adakah parti-parti dalam PH terutamanya AMANAH dan BERSATU mempunyai masa yang

cukup untuk mempromosikan logo mereka masing-masing?

- Undi luar bandar meliputi 125 daripada 222 kerusi dalam Parlimen. Daripada 125 kerusi ini, 78 kerusi adalah kerusi majoriti Melayu yang dikatakan dalam PRU ini akan menjadi penentu siapa yang akan ke Putrajaya. Adakah undi orang Melayu ini dapat dimenangi oleh Pakatan Harapan? Pada tahun 2008 dan 2013, dengan PAS tegar bersama Pakatan Rakyat pun, mereka tidak mampu menang PRU atau menakluki kawasan Melayu, dan sekarang tanpa PAS dalam Pakatan Harapan, apakah prospek mereka akan mendapat lebih undi berbanding tahun 2008 dan 2013? Untuk makluman, undi orang Melayu kepada BN telah meningkat dari 54% pada PRU 2008 kepada 63.7% pada PRU 2013. Dalam dua pilihanraya kecil di Kuala Kangsar dan Sungai Besar selepas PRU-13 dan setelah AMANAH bertanding, kombinasi undi parti pembangkang ini masih kurang untuk mengatasi UMNO. Bagi Pilihanraya Kecil Parlimen Sungai Besar, BN memperolehi 16,800 undi, manakala kombinasi undi PAS dan AMANAH pula hanyalah 14,511. Bagi Parlimen Kuala Kangsar pula, jumlah undi calon UMNO adalah 12,653 berbanding dengan kombinasi calon PAS dan AMANAH yang sebanyak 10,567. Maka persoalan adalah tanpa PAS bersama PH, sekarang bagaimana PH akan mendapat lebih undi Melayu?

- Mahathir amat popular di kawasan bandar, tetapi ini hanya meliputi 43 daripada 222 kerusi yang pastinya Pembangkang boleh menang. Persoalan adalah dapatkah Mahathir menarik pengundi luar bandar dan juga pengundi dari Sabah dan Sarawak? Dapatkah Mahathir membuat apa yang gagal dilakukan oleh Anwar Ibrahim dan Tengku Razaleigh sebelum ini? Tengku Razaleigh pernah mengetuai Parti Semangat 46 bersama Rais Yatim dan Shabery Cheek. Parti Melayu Semangat 46 pula bekerjasama dengan PAS, BERJASA, HAMIM, dan KIMMA untuk menubuhkan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) dan bertanding dalam PRU 1990 dan PRU 1995, tetapi gagal menundukkan UMNO-BN. Begitu juga Anwar Ibrahim yang menubuhkan Parti Keadilan untuk melawan UMNO, tetapi gagal juga. Jika dikatakan dua orang ini bukan Presiden UMNO, maka kita boleh ambil contoh Onn Jaafar – Presiden Pertama UMNO. Onn Jaafar telah menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) pada tahun 1951, tetapi malangnya parti tersebut tidak mendapat sokongan orang Melayu dan kemudiannya pada tahun 1954, beliau menubuhkan Parti Negara untuk bertanding dalam pilihanraya Persekutuan Tanah Melayu pertama pada tahun 1955. Sama seperti Parti Bersatu yang dipimpin Mahathir sekarang, Parti Negara menyekatkan keahlian bukan Melayu dalam satu percubaan untuk mendapat sokongan daripada orang-orang Melayu. Namun, parti tersebut gagal memenangi sebarang kerusi dalam PRU. Maka persoalan adalah dapatkah Mahathir membuat apa yang gagal dilakukan oleh Onn Jaafar, Tengku Razaleigh dan Anwar

Ibrahim?

- Mahathir berkata bahawa polisi Najib adalah "cash is king" (wang tunai itu raja). Ini tidak banyak berbeza dengan zaman Mahathir di mana pembangkang sering memanggilnya 3M – Money (wang), Machinery (jentera) dan Manipulation (manipulasi media). Maka ada spekulasi bahawa, untuk menang, Mahathir akan menggunakan Daim Zainuddin dan kapitalis-kapitalis yang akur kepadanya seperti Vincent Tan, Ananda Krishnan dan lain-lain lagi untuk membeli pengundi supaya bersaing dengan wang yang akan ditaburkan kepada Pasukan Najib. Jika ini adalah pertandingan, maka sudah tentunya Najib sebagai parti pemerintah akan dapat lebih wang daripada kapitalis-kapitalis yang bersamanya, termasuk yang dari Arab dan Negara China. Maka, timbulnya persoalan bahawa PRU ini akan ditentukan siapa ada lebih wang. Apakah jawapannya, Najib atau Mahathir?

- Selepas DAP dan PAS berpecah, ia juga telah mengakibatkan hampir semua kerusi akan ditigapenjurukan. Kewujudan AMANAH akan memastikan PAS dan DAP langsung tidak boleh bersama kembali, kecuali jika AMANAH kembali kepada PAS. Pandangan rakyat adalah tiga penjuru akan membantu Barisan Nasional, maka dengan senario begini, adakah rakyat akan mempunyai minat untuk turun mengundi seperti dua pilihanraya yang lalu, atau adakah mereka mungkin kurang berminat untuk turun mengundi? Adakah kekurangan jumlah yang keluar mengundi akan membantu BN atau Pembangkang?

Saya rasa lima sebab di atas cukup untuk spekulasi apakah prospek untuk tahun 2018. Kemenangan BN akan menyebabkan perkara begini berlaku selepas PRU: Untuk mendapatkan balik wang yang dibelanjakan dalam PRU, kerajaan BN akan menggunakan pelbagai cara untuk mengurangkan faedah kepada rakyat dan akan mengenakan pelbagai bayaran untuk rakyat membayar balik. Kerajaan BN juga akan menjual lebih asset negara kepada kapitalis dalam dan luar negara untuk menangani keadaan ekonomi yang murung dan ini akan memberi masalah berterusan kepada rakyat terutamanya masyarakat kelas menengah dan B40.

Jika PH menang secara mengejut, ia akan menyebabkan ketidakpastian

politik di mana BN akan cuba berkuasa dengan mencetuskan pelbagai masalah, seperti mempermudahkan isu perkauman dan lain-lain untuk membolehkan mereka mengenakan darurat demi menyelamatkan mereka, seperti apa yang berlaku pada tahun 1969.


Jadi, kemenangan BN secara penipuan ini sudah pastinya akan menyebabkan ramai rakyat yang kecewa dan hilang semangat serta harapan. Mungkin juga ilusi tentang Mahathir juga akan lenyap. Ini juga mungkin akan menyebabkan pertelingkahan dalam antara PKR semakin meruncing. Ia juga mungkin akan menyebabkan PAS semakin berpecah dari dalam jika mereka hilang kuasa di Kelantan? Adakah kekucar-kaciran keadaan politik ini dapat mewujudkan satu reaksi hebat dan sihat untuk membentuk satu gerakan dan kuasa ketiga yang lebih pro-kiri dan progresif? Adakah anak-anak muda seperti API dan kolektif anak muda lain dapat membawa dan menyemarakkan satu politik baru untuk Malaysia?

Bagi PSM, kami melihat perubahan biasa tidak berlaku dari awan yang cerah dan langit yang biru. Setiap konflik politik dan ekonomi merupakan satu masalah sistem yang tidak dapat menampung dan membayai kehendak rakyat majoriti. Ini akan menyebabkan pertempuran kelas antara yang kaya dengan yang miskin. "Bersama membina kuasa rakyat" adalah laungan perang kami untuk memajukan perjuangan rakyat ke depan bersama dengan masyarakat marhaen dan kolektif-kolektif dan kumpulan-kumpulan progresif yang mahukan Malaysia untuk semua dan bukan 1% terkaya.

Antara perjuangan yang akan menjadi kritikal pada tahun depan adalah perjuangan menuntut gaji minimum RM 1500, kerana ini adalah tahun untuk menyemak semula gaji minimum. PSM juga akan melaksanakan satu program membasi kemiskinan luar bandar dan terlibat terus dalam kerja-kerja mengorganisasi untuk pembangunan luar bandar. Perkara ketiga adalah cabaran untuk sama-sama membentuk satu gerakan melawan politik perkauman. Hanya satu gerakan pelbagai kaum dan agama yang bersatu berlandaskan solidariti kelas yang mampu berlawan dengan gerakan perkauman atau fasis di negara tercinta ini. ##



# Kerja 4 hari seminggu: realiti atau mimp?



oleh Sharan Raj

Malaysia kini mengamalkan waktu bekerja selama 48 jam seminggu untuk pekerja kolar biru dan 40 jam untuk pekerja kolar putih. Ini bersamaan dengan 8 jam sehari selama 6 hari untuk pekerja kolar biru dan 5 hari untuk pekerja kolar putih.

Ekonomi negara Malaysia telah berkembang secara pesat sejak penubuhan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963. Jikalau seluruh saiz kekayaan negara dibahagikan secara samarata kepada semua rakyat Malaysia, maka setiap rakyat memiliki kekayaan lebih kurang RM 45,500 (USD 11,028) pada tahun 2016.

Pengiraan ini dikenali sebagai pendapatan per kapita. Antara cara terbaik untuk menikmati kekayaan hasil usaha kaum pekerja serta mengimbangkan dengan kehadiran teknologi adalah memberi masa riadah dan rehat yang lebih kepada golongan pekerja.

Waktu kerja di Malaysia seharusnya dipendekkan kepada 4 hari seminggu dengan waktu kerja 8 jam sehari dari Isnin hingga Khamis dan memberi cuti selama 3 hari seminggu dari Jumaat hingga Ahad tanpa sebarang pemotongan gaji maupun faedah. Idea ini berbeza berbanding negara yang mengamalkan waktu bekerja 30 jam ataupun 6 jam sehari untuk 5 hari.

Pengurangan hari kerja disyorkan untuk mendapatkan lebih faedah dari sudut sosioekonomi dan alam sekitar. Faedah jangka waktu kerja yang pendek merupakan sesuatu yang tidak dibincangkan dalam arus perdana kapitalisme yang bersifat menekan pekerja. Namun demikian, kajian sains dan statistik menyediakan asas untuk menyokong idea sosialis ini.

## A) Produktiviti bertambah

Mantan Presiden Perancis Nicolas Sarkozy berhujah ketika kempen pilihanraya tahun 2007 bahawa cara mutlak untuk mendapat pendapatan tinggi adalah dengan bekerja lebih masa. Doktrin ini cukup ketara dengan beranggapan bahawa waktu kerja panjang adalah asas kepada pendapatan tinggi. Kelas majikan membiayai penyelidikan khususnya institusi kajian ("think-tank") neo-liberal untuk mempopularkan pandangan bahawa waktu bekerja yang panjang adalah asas kepada produktiviti serta perkembangan ekonomi sehingga warga pekerja menerima doktrin tersebut.

Namun, kajian oleh pihak neutral menyokong teori bahawa produktiviti bertambah jika waktunya dikurangkan. Kajian oleh Universiti Stanford pada tahun 2014

menunjukkan bahawa jangka masa kerja yang panjang memberikan tekanan stres kepada pekerja dan menurunkan produktiviti secara umum. Pekerja yang bekerja lebih panjang melakukan lebih banyak kesilapan kerana mindanya kurang peka akibat kepenatan.

Teori ini telah terbukti apabila Henry Ford melaksanakan 8 jam waktu kerja tetapi gaji dinaikkan 2 kali ganda pada tahun 1914 untuk mengelakkan pemberontakan pekerja di kilang keretanya. Walaupun Ford telah dikecam oleh golongan majikan lain di Amerika Syarikat dan Eropah, namun dia tidak berganjak daripada keputusannya.

Ford tidak mengubah keputusannya kerana produktiviti pekerja bertambah, manakala jumlah kemalangan terhadap pekerja dan jentera di kilang berkurang kerana pekerja makin peka. Jumlah kes saman oleh pengguna berkurang kerana mutu kenderaan meningkat dan permintaan kenderaan Ford bertambah. Syarikat kenderaan Ford mendapat keuntungan berlipat kali ganda rentetan tindakan tersebut.

## B) Kesihatan meningkat


Ahli penyelidik Marianna Virtanen daripada *Finnish Institute of Occupational Health* mendapati bahawa apabila waktu bekerja bertambah, kadar penyakit seperti Diabetes Jenis 2, sakit jantung, penjejasan tidur, kemurungan, stres dan strok bertambah. Kesihatan yang terjejas menyebabkan kadar ponteng kerja naik kerana cuti sakit bertambah. Pekerja yang bekerja untuk jangka waktu yang panjang didapati makan dan tidur berlebihan serta mengelakkan senaman dan riadah. Maka, kesihatan mereka jauh lebih terjejas khususnya pekerja kasar. Kos rawatan yang harus ditanggung oleh masyarakat bertambah serta menjelaskan kualiti kehidupan pekerja sewaktu bekerja dan usia tua.

Menurut *British Medical Journal* (BMJ), kadar waktu kerja yang panjang menyebabkan kadar pengambilan alkohol bertambah juga. Pengambilan alkohol yang tinggi merupakan antara punca utama keganasan rumah tangga dan kemalangan jalanraya. Ini menjelaskan kekerapan keganasan rumah tangga dalam keluarga B40 (40% berpendapatan paling rendah) kerana pengambilan minuman alkohol sebelum pulang rumah akibat bekerja lebih masa.

Professor Andy Charlwood, daripada *School of Business and Economics*, Universiti Loughborough, telah melakukan kajian selama 19 tahun tentang kadar merokok dalam kalangan kaum pekerja mengikut waktu bekerja. Kajian beliau telah mendapati bahawa kadar merokok meningkat dengan jumlah waktu bekerja khususnya dalam kalangan sektor sukar, kotor dan berbahaya (3D). Hasil kajian beliau

juga konsisten dengan sebuah kajian berasaskan dari Universiti Melbourne.

Dalam sistem kapitalis, isu alkohol dan merokok selalu dikaitkan dengan sikap kejahilan individu, namun masyarakat masih tidak peka bahawa tabiat pengambilan alkohol



Penggunaan Tenaga Akhir mengikut Sektor, 2014  
berlebihan adalah berpunca daripada waktu kerja berlebihan hingga kelas pekerja menjadi ketagih pada alkohol dan merokok.

## C) Alam sekitar

Hampir separuh (46.6%) daripada tenaga akhir Malaysia digunakan dalam sektor pengangkutan dan menyumbang hampir 50 Metrik Tan (Mt) karbon dioksida (CO2) pada tahun 2014. Kenderaan persendirian daripada penggunaan petrol menyumbang 59% atau 29.5 MT CO2 dan kebanyakan perjalanan adalah daripada perjalanan untuk pergi ke tempat kerja.

Pada Januari 2016, sebuah bancian mendapati secara puratanya seorang kelas pekerja melakukan perjalanan sebanyak 15,000 km setahun dengan 12,000 km (80%) hanya untuk pergi bekerja. Dengan menjadikan hari Jumaat hari cuti, 8 Mt CO2 dapat dijimatkan secara pengiraan konservatif dengan penjimatan petrol. Pengurangan pembebasan karbon dioksida belum termasuk dengan penjimatan daripada bas sekolah, penggunaan elektrik oleh pejabat dan kilang.

## D) Pengaliran wang ke bandar kecil

Berdasarkan Jabatan Statistik Malaysia (DOSM), 55% daripada kekayaan negara tertumpu di 4 negeri; Selangor, Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang. DOSM juga menyatakan pada bulan Mei 2017 bahawa 2/3 daripada semua migrasi dalam negara adalah migrasi antara negeri. Negeri penerima migrasi yang terbanyak adalah Selangor, Pulau Pinang and Johor, dengan migrasi orang luar yang berasal dari daerah berpendapatan rendah.

Dengan cuti mingguan yang lebih panjang, lebih ramai rakyat akan pulang ke daerah mereka. Malah, kekerapan rakyat pulang ke daerah yang lebih jauh akan

bertambah. Contohnya, seorang pekerja di Kuala Lumpur hanya akan pulang ke Tanah Merah, Kelantan, ketika cuti panjang kerana masa perjalanan mengambil masa 8 jam sehala.

Dengan penambahan hari cuti, pekerja akan relakan diri untuk melakukan perjalanan jauh. Perbelanjaan oleh pekerja dari negeri kaya di daerah mereka dari segi makanan, pelancongan, hotel dan sebagainya akan memberi nafas baru kepada perniagaan-perniagaan di daerah kecil serta menambah pendapatan di daerah.

## E) Peluang pekerjaan kualiti bertambah


DOSM menyatakan bahawa terdapat 514,500 individu yang menganggur di Malaysia pada bulan September 2017. Jumlah penganggur ini tidak termasuk 7.12 juta rakyat yang berada dalam lingkungan usia bekerja (15-64 tahun) seperti OKU, pelajar, pesara dan suri rumah tangga yang tidak dimasukan dalam golongan menganggur. Jikalau hari bekerja dikurangkan kepada 4 hari, maka sebanyak 9 juta pekerjaan baru harus dicipta untuk memastikan jumlah pengeluaran ekonomi bersamaan dengan 5 hari bekerja.

Namun, majikan akan cuba mengurangkan jumlah pekerjaan dan melabur dalam teknologi baru untuk memastikan kadar pengeluaran tidak terjejas. Secara optimistiknya, majikan tidak mampu menghapuskan lebih daripada 50% pekerjaan baru dengan bantuan teknologi, maka sebanyak 1.45 juta pekerjaan baru dapat diwujudkan.

Di samping itu, majikan akan melatih ("up-skilling") pekerja kurang kemahiran yang sedia ada daripada membuang pekerja kerana jumlah rakyat menganggur telah mengecut. Kadar pembuangan kerja oleh majikan juga berkurangan kerana majikan akan menambahkan kos pelaburan dalam sumber manusia serta ketidakmampuan mencari tenaga kerja ganti kerana pengecutan jumlah penganggur di Malaysia.

## Kesimpulan

Doktrin neo-liberal yang menyatakan bahawa masa kerja yang panjang merupakan asas untuk mendapatkan pendapatan tinggi dan kelas kapitalis menggunakan untuk menekankan pekerja untuk bekerja dengan masa kerja yang panjang. Namun, sains dan matematik telah membuktikan bahawa waktu kerja yang pendek mempunyai manfaat yang menyeluruh kepada kelas pekerja. Sewajarnya kekayaan yang dibina oleh kelas pekerja dinikmati dengan mengurangkan waktu bekerja kepada 4 hari seminggu tanpa mengurangkan gaji. ##



# Pergolakan dunia dalam tahun 2017

## Britain

### Parti Buruh bangkit semula dengan kepimpinan Corbyn

Perdana Menteri UK, Theresa May, telah memanggil pilihanraya umum awal dengan hasrat untuk mendapat mandat yang lebih besar untuknya dalam rundingan Brexit (UK tarik diri keluar dari Kesatuan Eropah). Namun, Theresa May mendapat tumpuan besar apabila Parti Konservatif pimpinannya gagal memperoleh kerusi majoriti dalam Parlimen walaupun masih merupakan parti terbesar, dan perlu meneruskan pemerintahan dengan sokongan daripada parti berhaluan kanan di Ireland Utara.

Parti Buruh yang pada awalnya ketinggalan sekurang-kurangnya 20 titik peratusan sokongan di belakang Parti Konservatif, telah mempamerkan prestasi pilihanrayanya yang terbaik untuk satu dekad kebelakangan ini dengan peningkatan paling tinggi



dalam peratusan perolehan undi dalam sejarah Parti Buruh. Parti Buruh bangkit semula dengan program dan dasar yang jelasnya berhaluan kiri, di bawah pimpinan Jeremy Corbyn. Prestasi cemerlang Parti Buruh ini, walaupun masih tidak mencukupi untuk membentuk kerajaan, tetapi merupakan satu tumpuan hebat kepada puak berhaluan kanan dalam Parti Buruh yang masih berpegang pada fahaman zaman Tony Blair.

## Zimbabwe

### Kudeta jatuhkan diktator

Tentera Zimbabwe melancarkan rampasan kuasa dan menjatuhkan pemerintahan diktator Robert Mugabe yang telah berkuasa untuk 37 tahun. Emmerson Mnangagwa menggantikan tempat Mugabe sebagai Presiden Zimbabwe.



## Asia Timur

### Isu senjata nuklear Korea Utara timbulkan ketegangan dunia

Korea Utara telah melakukan ujian peluru berpandu dan senjata nuklear dengan lebih kerap lagi pada tahun lalu. Kerajaan Amerika Syarikat pimpinan Donald Trump pula mengeluarkan ancaman demi ancaman terhadap Korea Utara sehingga menimbulkan ketegangan di rantau Asia Timur. Ancaman perang di rantau Asia Timur bukan sahaja sesuatu yang berbahaya untuk rantau tersebut, tetapi juga menggugat keamanan di peringkat dunia yang semakin tidak stabil.



## Catalonia

### Perjuangan menuntut kemerdekaan

Rakyat Catalonia telah menunjukkan keberanian mereka dalam memperjuangkan kemerdekaan wilayah tersebut daripada negara Sepanyol. Walaupun kerajaan pusat Sepanyol cuba mencampurtangan dan menggunakan kekerasan untuk menghalang usaha rakyat Catalonia menentukan nasib sendiri, masih adanya lebih 2 juta orang keluar mengundi dalam referendum kemerdekaan.

Kerajaan pusat Sepanyol telah membubarkan kerajaan Catalonia apabila pemimpin Catalonia yang pro-kemerdekaan mengumumkan



kemerdekaan. Namun, pilihanraya yang berlangsung selepas itu dengan ramai pemimpin pro-kemerdekaan ditahan ataupun terpaksa melarikan diri, masih menunjukkan sokongan rakyat kepada gerakan kemerdekaan apabila parti-parti yang pro-kemerdekaan berjaya menang kerusi majoriti dalam Parlimen Catalonia.

## Amerika Syarikat

### Trump satukan rakyat untuk menentangnya

Sekjak hari pertama Donald Trump mengangkat sumpah sebagai presiden Amerika Syarikat (AS), kerajaan AS di bawah pimpinannya telah menghadapi penentangan rakyat yang hebat. Gerakan rakyat di AS yang menentang Trump telah terlibat dalam aksi-aksi melawan rasisme orang kulit putih, ketamakan korporat dan militarisme yang dinaungi Trump sendiri.



## Gambia

### Kuasa rakyat jatuhkan pemerintah kuku besi

Yahya Jammeh yang memerintah negara Gambia secara kuku besi untuk 22 tahun terpaksa meletak jawatan dan melarikan diri ke luar negara pada 21 Januari tahun lalu. Jammeh kalah dalam pilihanraya presiden pada 1 Disember 2016 kerana anak-anak muda keluar mengundi beramai-ramai untuk menyokong pencabarnya. Jammeh cuba manafikat keputusan pilihanraya dan terus berkuasa, tetapi menghadapi penentangan hebat daripada kesatuan pekerja dan gerakan rakyat. Tambahan dengan campurtangan ketenteraan oleh negara-negara



## Brazil

### Mogok umum terbesar dalam sejarah

35 juta orang daripada kesatuan-kesatuan pekerja dan gerakan rakyat telah mengadakan aksi bantahan terhadap pindaan undang-undang buruh yang anti-pekerja oleh kerajaan pimpinan Michel Temer yang mengambil alih kuasa melalui kudeta.

Mogok besar-besaran pada 28 April telah melumpuhkan bandar-bandar besar seperti São Paulo, Rio de Janeiro, Porto Alegre dan Brasilia.



# Pilihanraya Catalonia

Wilayah Catalonia telah mengadakan pilihanraya parlimen pada 21 Disember lalu, selepas kerajaan pusat Sepanyol menggunakan Artikel 155 Perlembagaan tahun 1978 untuk membubarkan kerajaan Catalonia yang pro-kemerdekaan pada bulan Oktober lalu. Namun, keputusan pilihanraya Catalonia kali ini masih menunjukkan bahawa parti-parti politik pro-kemerdekaan berjaya memenangi majoriti kerusi dalam Parlimen Catalonia. Nampaknya usaha Mariano Rajoy, Perdana Menteri Sepanyol, untuk menghancurkan gerakan kemerdekaan Catalonia menemui kegagalan sekali lagi.

Oleh sebab polarisasi politik di Catalonia yang semakin hebat sejak beberapa bulan kebelakangan ini, pilihanraya Catalonia pada kali ini telah mencatatkan peratusan keluar mengundi sebanyak 81.94%, satu peratusan keluar mengundi yang bukan sahaja tertinggi dalam sejarah Catalonia, malah tertinggi dalam sejarah Sepanyol. Pilihanraya Catalonia kali ini bagaikan referendum terhadap tindakan pengambilalihan terus pentadbiran Catalonia oleh kerajaan pusat Sepanyol dengan menggunakan Artikel 155 Perlembagaan negara tersebut. Rakyat Catalonia jelasnya membantah Artikel 155, dan menolak campurtangan kuasa oleh kerajaan pusat di Madrid. Hasrat Rajoy untuk parti-parti pro-penyatuan memenangi kuasa pentadbiran di Catalonia selepas usaha terbarunya dalam memukul gerakan pro-kemerdekaan, menemui kegagalan dalam pilihanraya.

Sebelum ini, kerajaan Catalonia yang dikuasai parti-parti pro-kemerdekaan telah menganjurkan referendum kemerdekaan pada 1 Oktober lalu, walaupun dihalang oleh kerajaan pusat Sepanyol. Kerajaan pusat telah mengisyihar bahawa referendum tersebut haram, dan mengerahkan ramai polis dari luar Catalonia untuk menghalang rakyat Catalonia daripada mengundi. Namun, pada 1 Oktober yang lalu, masih adanya seramai 2.22 juta orang keluar mengundi, dengan peratusan keluar mengundi sebanyak 43.03%. Pengurus kerajaan Catalonia, Carles Puigdemont, telah mengumumkan Deklarasi Kemerdekaan kepada Parlimen Catalonia pada 10 Oktober, tetapi beliau telah menangguhkan pengisyiharan kemerdekaan. Pada hari yang sama, Perdana Menteri Sepanyol Rajoy pula menggunakan Artikel 155 Perlembagaan Sepanyol untuk membubarkan kerajaan pimpinan Carles Puigdemont, dan mengumumkan pilihanraya baru akan diadakan pada 21 Disember. Ramai pemimpin Catalonia yang pro-kemerdekaan telah ditahan polis. Carles Puigdemont, dan sebahagian anggota kabinetnya telah melarikan diri ke Belgium untuk mengelakkan diri daripada ditahan kerajaan Sepanyol. Kerajaan Sepanyol menuduh pemimpin pro-kemerdekaan seperti Carles Puigdemont bahawa mereka telah melakukan kesalahan menghasut dan memberontak.

Walaupun ramai anggota kabinet kerajaan Catalonia sebelum ini telah

# Parti pro-merdeka menang lagi

ditahan ataupun melarikan diri ke luar negara, namun 3 parti politik pro-kemerdekaan utama di Catalonia, telah memenangi sebanyak 70 daripada 135 kerusi (iaitu melebihi separuh kerusi) dalam Parlimen Catalonia. Peratusan undi yang diperoleh parti-parti pro-kemerdekaan ialah 47.5%, tidak berbeza banyak dengan 47.8 yang diperoleh semasa pilihanraya tahun 2015. Oleh sebab peratusan keluar mengundi pada kali ini lebih tinggi, parti-parti pro-kemerdekaan sebenarnya telah mendapat undi yang lebih banyak.

Platform politik "Bersama demi Catalonia" (*Junt per Catalunya*, JuntsxCat) yang dibentuk oleh Parti Demokratik Eropah Catalonia (PDeCAT) dan calon bebas yang pro-kemerdekaan, telah memenangi 34 kerusi, dengan peratusan undi sebanyak 21.65%, sementara gabungan politik "Kiri Republikan Catalonia – Catalonia Ya" (ERC–CatSí) berjaya memenangi 32 kerusi dengan peratusan undi sebanyak 21.39%. JuntsxCat sebagai penyambung warisan parti pro-kemerdekaan yang berhaluan kanan di Catalonia, hanya mendapat undi yang lebih sedikit berbanding ERC yang berhaluan kiri, dan ini merupakan keputusan pilihanraya yang paling teruk untuk puak pro-kemerdekaan yang berhaluan kanan. ERC pula mencapai keputusan pilihanraya yang paling baik dalam sejarahnya. Ini merupakan satu petunjuk bahawa politik berhaluan kiri semakin kembali berpengaruh dalam gerakan pro-kemerdekaan di Catalonia.

Parti politik pro-kemerdekaan yang paling menonjolkan prinsip anti-kapitalis, "Calon Bersatu Rakyat" (CUP), hanya meraih undi sebanyak 4.45% dan memenangi 4 kerusi, satu keputusan yang amat mengecewakan berbanding tahun 2015, di mana CUP berjaya meraih undi sebanyak 8.21% dan menang 10 kerusi pada masa itu. Faktor utama undi kepada CUP berkurangan adalah banyak undi sokongan kepada CUP pada tahun 2015 datang daripada penyokong ERC yang tidak mahu menyokong gabungan politik "Bersama demi Ya" (JxSí) yang turut dianggotai PDeCAT yang berhaluan kanan, tetapi kali ini ERC telah bertanding secara sendiri. Tambahan pula, CUP gagal menawarkan kepimpinan alternatif yang jelas semasa tercetusnya kemuncak perjuangan politik selepas referendum kemerdekaan pada bulan Oktober lalu, sehingga melepaskan peluang untuk meraih sokongan yang lebih kuat daripada massa yang pro-kemerdekaan.

Parti Rakyat yang pro-penyatuan, telah mengalami kekalahan yang paling teruk dalam sejarahnya, dengan hanya mendapat 3 kerusi, berkurangan sebanyak 8 kerusi berbanding tahun 2015, dengan peratusan undi hanya 4.24%. Satu lagi parti pro-penyatuan yang tradisional, Parti Sosialis (PSC–PSOE) juga mendapat keputusan yang tidak memuaskan, dengan memperoleh undi sebanyak 13.88% dan hanya mendapat 17 kerusi.

Namun, Parti Warganegara (Cs), sebuah parti pro-penyatuan yang bersifat liberal dan chauvinis, telah memenangi 27 kerusi dengan peratusan undi 25.37%, menjadi parti yang terbesar dalam Parlimen Catalonia. Oleh sebab parti-parti politik pro-penyatuan gagal memenangi lebih separuh kerusi, Cs juga tidak dapat membentuk kabinetnya.

Parti berhaluan kiri yang tidak tergolong dalam kedua-dua kem pro-kemerdekaan dan pro-penyatuan, "Catalonia Bersama – Kita Boleh" (CatComú–Podem), hanya memenangi 8 kerusi dengan undian sebanyak 7.45%. CatComú–Podem menyokong hak rakyat Catalonia untuk menentukan nasib sendiri sama ada merdeka atau terus kekal dalam Sepanyol. Namun, dalam keadaan politik yang semakin polarisasi, pendirian yang "neutral" dalam persoalan kemerdekaan, menyebabkan CatComú–Podem kehilangan undi di kalangan rakyat dalam dua kem utama.

Parti-parti politik pro-kemerdekaan masih mencapai keputusan pilihanraya yang memberangsangkan walaupun menghadapi ancaman berterusan daripada kerajaan pusat Sepanyol. Ini merupakan satu lagi tumparan hebat kepada kerajaan pusat Sepanyol selepas referendum pada bulan Oktober lalu.

Walaupun parti-parti pro-kemerdekaan masih menguasai majoriti kerusi dalam dewan perundangan Catalonia, namun ini



tidak bermakna parti-parti pro-kemerdekaan dapat membentuk semula kerajaan secara lancar. Terdapat seramai 8 orang ahli parlimen pro-kemerdekaan yang masih berselindung di luar negara ataupun ditahan dalam penjara. Jika mereka tidak dibenarkan untuk mengangkat sumpah, ini bermakna parti-parti pro-kemerdekaan hilang majoritinya dalam Parlimen Catalonia.

Kerajaan pusat Sepanyol akan meneruskan siasatan dan pendakwaan terhadap pemimpin-pemimpin pro-kemerdekaan di Catalonia. JuntsxCat dan ERC, dua parti yang terbesar dalam kem pro-kemerdekaan, telah pun berundur daripada pendirian politik mereka untuk mengisyihar kemerdekaan Catalonia secara unilateral. Perdana Menteri Sepanyol Rajoy juga memberi amaran bahawa kerajaan pusat akan sekali lagi menggunakan Artikel 155 untuk mengambil alih pentadbiran Catalonia sekiranya golongan pro-kemerdekaan mengisyihar kemerdekaan. Situasi politik di Catalonia masih tegang dan berada di persimpangan yang kritikal.

Rakyat Catalonia telah menunjukkan kuasa massa yang hebat dalam usaha mencabar kekuasaan kerajaan pusat semasa pergolakan politik pada bulan Oktober lalu, sama ada di peti undi ataupun jalanraya. Malangnya, pemimpin-pemimpin aliran utama dalam gerakan pro-kemerdekaan teragak-agak, tergoyang pendirian dan berundur pada saat-saat genting. Gerakan kemerdekaan Catalonia menghadapi cabaran hebat, bukan sahaja daripada tekanan oleh kerajaan pusat, tetapi juga daripada kepimpinan parti-parti utama yang tidak berpegang teguh pada prinsip perjuangan.

Sememangnya gerakan kemerdekaan Catalonia hanya dapat bergerak lebih jauh dengan adanya kepimpinan yang dapat memperkisasakan lagi kekuatan massa dan menawarkan alternatif sosio-ekonomi yang berbeza daripada sistem kapitalis yang diamalkan Sepanyol pada masa kini. ##



# Trump ditampar 128 undi di PBB

Tindakan degil Donald Trump selaku Presiden Amerika Syarikat (AS) dalam mengiktiraf Baitulmuqaddis (ataupun juga dikenali sebagai Jerusalem) sebagai ibu negara Israel, telah menerima tampanan hebat daripada negara-negara anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang membantah tindakannya.

Pada 21 Disember lalu, Persidangan Agung PBB telah mengadakan sesi tergempar untuk mengundi tentang usul yang berkaitan dengan kedudukan Baitulmuqaddis. Hasil pengundian telah memutuskan bahawa sebarang tindakan mengiktiraf Baitulmuqaddis sebagai ibu negara Israel adalah tidak sah. Antara 193 negara anggota PBB, sebanyak 128 buah negara mengundi untuk menyokong usul tersebut. 9 buah negara (termasuk AS) mengundi untuk tolak, manakala 35 buah negara berkecuali, sementara 21 buah negara tidak hadir dalam sesi tersebut.

Hampir 2/3 daripada negara anggota PBB menolak tindakan negara AS mengiktiraf Baitulmuqaddis sebagai ibu negara Israel. Ini memang merupakan satu penghinaan yang hebat kepada Presiden AS Trump di arena antarabangsa.

Trump telah mengumumkan pada 6 Disember lalu, bahawa dia akan mengiktiraf Jerusalem sebagai ibu negara Israel, dan memulakan proses pemindahan Kedutaan Besar AS di Israel dari Tel Aviv ke Baitulmuqaddis. Tindakan Trump tersebut telah melanggar norma masyarakat antarabangsa yang menghormati kedudukan khas Baitulmuqaddis dalam konflik Palestin-Israel selama ini.

Keputusan Trump yang penuh kontroversi ini telah mengundang reaksi hebat di kalangan masyarakat antarabangsa. Sementara itu, juga tercetusnya gelombang protes yang hebat di kalangan rakyat Palestin.

(sambung dari m/s 8)

Justeru, tahun 2018 tidak kurang mencabar bagi rakyat marhaen yang akan terus tertindas dan dipinggirkan kerana motif ekonomi yang mengkayakan golongan elit kapitalis dan elit politik yang bersekongkol dengan mereka.

Walaupun cabarannya amat hebat, tetapi perkara yang memberangsangkan adalah semangat rakyat untuk berjuang menentang ketidakadilan masih membawa. Dari komuniti Orang Asli sehingga anak muda di pelbagai kawasan, telah sedar dan bangkit mempertahankan hak mereka. Rakyat yang telah mengalami tatacara pentadbiran kedua-dua rejim politik BN dan juga Pakatan kini mula sedar bahawa jenama politik tidak penting lagi. Ideologi dan pegangan politik di belakang jenama itulah yang menentukan sama ada rejim tersebut akan menyebelahi rakyat ataupun menyebelahi korporat yang bermotifkan untung semata-mata.

Ayah kita bersedia, mengatur massa, menyahut cabaran, berjuang menentang penindasan dan mempertahankan hak kita. Ayuh berjuang bersama rakyat! ##

## Latar belakang sejarah kedudukan Baitulmuqaddis

Pada bulan November 1947, PBB telah meluluskan Resolusi No. 181 yang mencadangkan pelan untuk membahagikan wilayah Palestin apabila British menamatkan penjajahan secara rasmi di situ. Mengikut Pelan Pembahagian PBB untuk Palestin, akan tertubuhnya dua buah negara di wilayah jajahan British di Palestin, iaitu sebuah negara untuk orang Arab dan satu lagi untuk orang Yahudi. Sementara itu, bandar Baitulmuqaddis hendaklah ditadbir oleh pentadbiran antarabangsa khas di bawah PBB menurut Pelan Pembahagian Palestin, tetapi cadangan tersebut tidak pernah direalisasikan.

Puak zionis di wilayah Palestin telah menubuhkan negara Israel pada bulan Mei 1948, menandakan permulaan bencana yang melanda orang Arab di Palestin dan mencetuskan konflik yang berterusan. Selepas Perang Arab-Israel yang Pertama yang berlaku pada tahun 1948-1949, Baitulmuqaddis Barat telah diduduki Israel, sementara Baitulmuqaddis Timur dikuasai oleh Jordan. Selepas Perang Arab-Israel yang Ketiga pada tahun 1967, kawasan Tebing Barai Sungai Jordan, termasuk Baitulmuqaddis Timur, turut jatuh dalam tangan Israel.

Parlimen Israel meluluskan satu rang undang-undang pada tahun 1980 untuk mengiktiraf Jerusalem sebagai ibu negaranya, namun tidak mendapat pengiktirafan antarabangsa. Majlis Keselamatan PBB telah meluluskan Resolusi No. 478 (di mana AS mengundi untuk berkecuali) pada tahun 1980, mengecam tindakan Israel yang berniat untuk menguasai Baitulmuqaddis Timur, dan mengumumkan bahawa Akta Jerusalem yang diluluskan Israel itu melanggar undang-undang antarabangsa.

Kongres AS meluluskan rang undang-undang berkenaan Kedutaan AS di Baitulmuqaddis pada tahun 1995, di mana dicadangkan supaya Kedutaan Besar AS di Israel dipindahkan ke Baitulmuqaddis. Namun, setiap Presiden AS akan menandatangani arahan khas untuk menangguh pelaksanaan undang-undang tersebut, sehingga Trump yang mahu "menunaikan janji pilihanraya" untuk memindah Kedutaan AS di Israel.

## Imperialis AS pendukung kuat zionis

Tindakan Trump yang menyokong impian zionis Israel terbaru ini, bukan sahaja melanggar undang-undang antarabangsa, malah juga menonjolkan sikap keangkuhan imperialisme AS. Sebelum Persidangan Agung PBB mengundi tentang resolusi mengenai kedudukan Baitulmuqaddis, Trump



mengancam bahawa AS akan menghentikan bantuan kepada negara yang menyokong resolusi tersebut. Amat angkuh dan biadap sekali samseng besar antarabangsa ini.

Sikap angkuh Trump dalam persoalan kedudukan Baitulmuqaddis ini hanya mengingatkan rakyat di seluruh dunia bahawa imperialism AS masih merupakan penyokong kuat kepada jentera negara Israel yang menzalimi rakyat Palestin. Israel, sebuah negara rasis yang didirikan atas kehancuran kampung halaman rakyat Palestin, telah mendatangkan kesengsaraan yang amat teruk kepada rakyat Palestin melalui tindakan pendudukan ketenteraan, perampasan tanah secara besar-besaran, perluasan kawasan penempatan yang haram, penangkapan dan penahan secara besar-besaran terhadap rakyat yang bangkit menentang kezaliman, memutuskan sumber air rakyat Palestin, serta mewujudkan keadaan sosio-ekonomi yang berbentuk Apartheid. Mengiktiraf Baitulmuqaddis sebagai ibu negara Israel, bagaikan menabur garam di atas luka rakyat Palestin yang mendalam.

Persoalan Palestin telah berlarutan untuk berdekad lamanya, dan sekarang ini kerajaan AS menunjukkan sekali lagi sikap angkuhnya dalam menyokong zionis Israel. Pemimpin-pemimpin negara Arab juga perlu bertanggungjawab ke atas kesengsaraan yang dialami rakyat Palestin pada hari ini, khususnya kerajaan Arab Saudi. Arab Saudi telah menjalin hubungan semakin rapat lagi dengan AS selepas Trump menjadi Presiden AS, malah mencapai persetujuan dengan AS untuk perdagangan senjata yang bernilai sebanyak USD 350 bilion.

Selain hubungan yang semakin rapat dengan AS, Arab Saudi juga berjalin dengan Israel, untuk mendapatkan sokongan AS dan Israel dalam konfliknya dengan Iran.

Banyak kerajaan negara majoriti Muslim, juga mempergunakan konflik di Palesin untuk kepentingan golongan pemerintah, bukannya benar-benar menyokong perjuangan rakyat Palestin. Adanya pemimpin negara majoriti Muslim mempergunakan kesengsaraan rakyat Palestin untuk mengalihkan perhatian rakyat di negara berkenaan daripada masalah dalam negaranya, seperti masalah korupsi dan ketidakadilan sosial yang serius. Pada hakikatnya, kebanyakan negara sebegini tidak melakukan banyak perkara untuk menyokong rakyat Palestin yang berada di barisan hadapan menentang zionis Israel dan imperialis AS. Tidak ketinggalan juga Najib Razak, Perdana Menteri Malaysia, dalam mempergunakan isu palestin untuk mengalihkan perhatian rakyat daripada kontradiksi dalam masyarakat Malaysia. Jangan lupa, tidak lama sebelum ini Najib mengetuai rombongan lawatan ke AS untuk berbaik-baik dengan Trump. Sememangnya hipokrasi pemimpin-pemimpin negara yang mempergunakan isu Palestin untuk kepentingan politik sendiri tidak akan membantu dalam perjuangan rakyat Palestin.

Kita perlu meneruskan sokongan kita terhadap perjuangan rakyat Palestin. Kita perlu menyokong perjuangan rakyat Palestin dalam menentang kezaliman zionis Israel, bukan kerana majoriti Palestin itu beragama Islam, tetapi oleh sebab mereka juga merupakan insan seperti kita semua yang lain. Selagi rakyat Palestin tidak mendapat keadilan yang sebenar, keamanan tidak mungkin akan wujud di rantau Timur Tengah. ##



# Memperkasakan Diri dan Rakyat Secara Serentak

## Ulasan Buku “Memperkasakan Rakyat: Analisis dan Perjuangan”

oleh Khaw Seng Hean

Buku ini cuba mengaitkan masalah masyarakat yang kita biasa nampak atau rasai dengan sistem kapitalisme yang bergabung dengan sisa-sisa sistem feudal dan keabdi yang berlaku di Malaysia. Bukan sahaja menghubungkan tetapi memberi analisis, mengupas dan ingin menyampaikan satu mesej yang penting, iaitu sebab utama masalah masyarakat yang berlaku terkini adalah sistem kapitalisme. Untuk memahami sistem ini, penulis cuba menjelaskan pendekatan analisis dari segi sains, agama dan kepercayaan. Kononnya hubungan dialektika, setuju – bantah – penyatuhan. Penyatuhan ini tidak semestinya membawa kebaikan, tetapi menimbulkan kerosakan. Dalam erti kata yang lain, buku ini sesuai dibaca oleh pembaca yang hanya ada pengetahuan sains, dengan pendekatan sains serta hubungan dialektika sedia ada pada pembaca. Ia juga boleh digunakan untuk memahami masalah masyarakat sekarang serta mengkritik sistem kapitalisme. Pembaca yang bukan aliran sains boleh menghayati buku dengan tujuan memahami hubungan dialektika.

Peringkat analisis dari segi terperinci (atom), sektor pekerjaan, keluarga, negara sehingga ke antarabangsa. Penulis ingin beritahu kepada pembaca bahawa apa yang berlaku di masyarakat tidak dapat diasingkan dengan antarabangsa, semua ada hubungan, sebab dan kesannya. Pandangan saya terhadap susunan analisis perlu diperbaiki, iaitu selepas penjelasan tentang asal usul penindasan yang menjana keuntungan (Penindasan dan Keuntungan), ia perlu disambungkan dengan bab “Pengangguran dan Kependudukan”. Ini kerana gaji rendah yang diterima oleh kelas pekerja dan petani miskin, ataupun penjimatan kos pengeluaran oleh golongan kapitalis yang menyebabkan pengangguran, barulah wujud masalah masyarakat yang dikongkong oleh agama dan kaum, iaitu bab seterusnya.

Sebelum mengutuk golongan kapitalis yang berjinak-jinak dengan keuntungan dan ketamakan, perlunya memahami sifat kapital (modal) yang kurang dititikberat oleh penulis. Kapital adalah satu benda yang boleh serap nilai lebihan (*surplus value*) pekerja selepas proses pengeluaran. Secara umumnya proses pengeluaran adalah: kapitalis membeli bahan mentah, alat pengeluaran dan mengupah pekerja, pekerja menyiapkan kerja yang ditetapkan dan gaji dibayar. Ini adalah tafsiran secara kualitatif. Dari segi kuantitatif, contohnya kapital yang bernilai RM 100, selepas satu proses pengeluaran, RM 100 menjadi RM 110, dan sebahagian tambahan RM 10 adalah nilai lebihan pekerja. Maka modal RM 110 itu adalah kapital. Kalau Ali menggunakan RM 10 membeli sebuah roti dan menjual kepada Abu sebanyak RM 11. Tambahan RM 1 yang menjadi untung Ali, dan RM 11 yang dimiliki oleh Ali bukanlah kapital. Tetapi kita tidak boleh biar macam itu sahaja. Pembuat roti yang mengupah pekerja untuk menghasilkan roti secara besar-besaran. Dia membayar gaji kepada pekerjanya dengan RM 8

sebuah roti, tetapi menjual RM 10 kepada Ali, maka tambahan RM 2 itu sepatutnya dibayar kepada pekerja telah dimiliki oleh pembuat roti. Ali yang merupakan pembeli tidak menindas pekerja secara terus, tetapi roti yang dia beli mengandungi nilai lebihan pekerja. Pembuat roti itu adalah kapitalis, Ali bukan kapitalis, hubungan pembuat roti dan Ali adalah jual beli, ataupun pengeluaran dan pemintaan. Pemintaan yang diaplikan dan dicipta oleh kapitalis walaupun roti bukan makanan asas di Malaysia sebelum penjajahan.

Bolehkan tanah dijadikan kapital? Contohnya seorang pemilik tanah menyewa tanah itu kepada petani. Lepas 10 tahun, pemilik membatalkan perjanjian, tanaman yang dihasil oleh petani kini dimiliki oleh pemilik tanah walaupun petani membayar sewa kepada pemilik tanah seperti yang ditetapkan. Adakah rampasan ini merupakan satu rampasan ke atas nilai lebihan petani? Hubungan petani dan pemilik tanah, berlainan dengan pekerja yang diupah oleh majikan, bolehkah tindakan pemilik tanah ke atas petani dianggap sebagai penindasan? Terpulanglah kepada pembaca. Yang pasti di sini adalah, berlakunya ketidakadilan ke atas petani.

Berbalik kepada istilah kapital. Kapital yang tidak berfungsi, maksudnya tidak digunakan untuk proses pengeluaran yang menyerap nilai lebihan, maka kapital itu akan menghadapi susut nilai. Kapital perlu aktifkan diri dalam proses pengeluaran sama ada langsung (buka kilang untuk proses pengeluaran) atau tidak langsung (meminjam duit kepada pemilik kilang atau melabur / membeli syarikat untuk memperbesarkan saiz pengeluaran) untuk menambahkan nilainya.

Kalau seorang kapitalis menggunakan modalnya untuk melabur, mulakan perniagaan atau membuka kilang untuk proses pengeluaran, maka nilai kapitalnya semakin bertambah kerana tambahan nilai lebihan ke atas modalnya. Berbanding dengan seorang kapitalis yangkekalkan modalnya, hanya ingin mengekalkan saiz pengeluarannya, dia akan dikalahkan oleh pesaingnya. Ini kerana, pesaingnya akan menggunakan dua cara untuk menambahkan nilai kapitalnya, iaitu meningkatkan harga jualan hasilnya atau mengurangkan kos pengeluaran (menggantikan pekerja yang minta peningkatan gaji dengan mesin, atau mengurangkan gaji). Semakin banyak unit hasil pengeluaran, harga jualannya akan direndahkan. Ini bukan disebabkan kos pengeluaran berkurang, tetapi pesaingnya ingin memonopoli pasaran. Maka kapitalis terpaksa meningkatkan nilai kapitalnya atas faktor sifat kapital dan pesaingan. “*Profit is opiate of capitalist*” adalah kesannya.

Pengangguran yang dituliskan dalam bab “Pengangguran dan Kependudukan” tidak semestinya disebabkan ciptaan mesin baru. Perlu diingat bahawa kapitalis terpaksa meningkatkan keuntungannya dengan meningkatkan harga jualan hasilnya

atau mengurangkan kos pengeluaran. Mesin vs Pekerja, kapitalis akan memilih kos pengeluaran yang lebih rendah. Kebelakangan ini, golongan profesional risau kepakarnya akan diganti oleh *Artificial Intelligence* (AI). Ini bukan salah pencipta AI, tetapi kapitalis yang ingin mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan hasil pengeluaran. Persoalannya adalah: siapa pemilik AI itu. Soalan ini terjawab dalam buku, tak perlu susah cari Marxis seperti Profesor David Harvey, jawapannya tetap sama.

Bab “Pengangguran dan Kependudukan” mengupas masalah kependudukan yang amat merangsangkan. Bagi saya, sistem kapitalisme yang menyokong peningkatan bilangan penduduk bukan sahaja untuk memperluaskan pasaran pembeli, juga membekalkan pasaran buruh kepada golongan kapitalis untuk ditindas, jika pekerja tidak disatukan dalam kesatuan. Peningkatan saiz bilangan pembeli tidak semestinya meningkatkan kuasa membeli jika pembahagian pendapatan antara golongan kapitalis dan kaum pekerja serta petani yang masih sebahagian besarnya dimiliki oleh golongan kapitalis. Jika kapitalis risau hasil pengeluarannya tidak dapat dijual, perlunya kapitalis itu mengurangkan pengeluaran. Iut istilah kapital dan persaingan yang disebut di atas, tindakan tegas ini biasanya tidak akan berlaku. Peningkatan bilangan penduduk juga bukan punca yang menyebabkan gaji direndahkan, puncanya adalah kapitalis ingin menjimatkan kos pengeluaran dengan mengurangkan peluang pekerjaan.

Kelas pekerja diutamakan dalam buku ini, bagaimana dengan kelas petani dan penternak? Buku ini menyatakan jika seorang buruh bekerja, tetapi alat pengeluaran dan hasil pengeluaran bukan dimiliki olehnya, maka dia adalah kelas pekerja. Istilah ini tidak cukup. Di Perak, lebih 70% petani dan penternak tidak mempunyai hak milik ke atas tanah. Kalaupun mereka mempunyai hak milik ke tanah, mereka memperolehi alat pengeluaran, mereka masih miskin kerana hasil tanaman dan ternakan dimonopoli oleh orang tengah. Inilah golongan musyawarah rakyat banyak (murba) yang disebut oleh Tan Malaka sebelum perkataan marhaen wujud dan diaplikan oleh bekas Presiden Indonesia, Sukarno.

Peranan aktivitis atau pejuang untuk membuat

perubahan masyarakat, apakah kategori mereka dalam hubungan dialektika yang disebut? Tesis, antitesis atau sintesis? Disebabkan masyarakat kini dibahagikan secara sengaja atau tidak, bukan sahaja ikut negeri, bangsa, agama, tetapi juga termasuklah gender, kepakaran, sektor pekerjaan, bandar/luar bandar. Aktivis atau pejuang perlu menyatukan semua sektor perjuangan dengan mengutamakan kepentingan awam, iaitu memainkan peranan penyatuhan atau sintesis. Persoalannya, bolehkah kapitalis yang belum matang dari segi penindasan, atau kapitalis yang kecil disatukan untuk melawan sistem kapitalis dan gergasi yang besar seperti Barisan Nasional? Bagi saya, ia boleh dilakukan tetapi sebagai aktivis, pejuang dan golongan yang tertindas, kita tidak boleh mempunyai sikap kebergantungan kepada konco-konco ini. Pengaturan perjuangan bersama akar umbi perlu diutamakan dalam kerja penyatuhan.

Apakah masyarakat sosialisme utopia yang ditulis dalam buku ini? Sekurang-kurangnya demokrasi perlu dilaksanakan dengan melibatkan masyarakat setempat. Majlis Rakyat yang disebut dalam buku adalah cadangan yang bagus, iaitu rakyat boleh dijadikan ahli dalam majlis tersebut. Kalau sebuah pemilik kilang yang membentarkan pekerjanya untuk menyertai proses membuat keputusan adalah tidak cukup. Ini kerana tujuan majikan dan pekerja adalah meningkatkan pendapatan dengan menentukan bilangan pengeluaran. Kalau proses membuat keputusan itu juga disertai oleh penduduk setempat yang ambil berat terhadap kesan pencemaran dan alam sekitar, maka proses pengeluaran yang bermesra dengan alam sekitar boleh direalisasikan. Memang penatlah kalau semua rakyat perlu disertakan dalam proses membuat keputusan, maka pengurangan waktu kerja dan peningkatan pendapatan perlu dilaksanakan supaya pekerja serta ahli keluarga menyertai proses ini. ##





Perjuangan kelas pekerja, biasanya adalah melalui bentuk berhenti kerja secara ramai-ramai, iaitu

### mogok kerja.

Pengorganisasian untuk mogok kerja mengandungi unsur-unsur organisasi kelas. Ini bermakna wujudnya sejenis pemikiran yang berpandangan bahawa kepentingan setiap orang pekerja ditentukan oleh **tindakan secara kolektif**. Mogok kerja mengajukan satu penyelesaian melalui perpaduan kelas, berbeza dengan penyelesaian secara peribadi (iaitu menambahkan kepentingan perseorangan tanpa mempedulikan pendapatan pekerja yang lain). Pemikiran sebegini merupakan bentuk asas **kesedaran kelas pekerja**.



Mogok umum di India tahun 2016

Apabila pekerja mengadakan mogok kerja, mereka akan belajar untuk menubuhkan tabung bantuan dan membuat rancangan saling bantu-membantu, supaya dapat mengurangkan ketidakjaminan dalam kehidupan pekerja, membolehkan pekerja melindungi diri mereka semasa kehilangan kerja. Ini adalah bentuk asas organisasi kelas.

Bentuk terawal tindakan politik kelas pekerja, sebenarnya wujud daripada sayap kiri ultra dalam gerakan radikal borjuasi kecil. Misalnya, semasa Revolusi Perancis, wujudnya sekumpulan radikal yang digelar "Conjurade des Égaux" yang diketuai oleh François-Noël Babeuf



François-Noël Babeuf


Babeuf (1760-1797), bergerak sebagai sayap kiri ultra dalam Jakobin. Babeuf berhasrat untuk membebaskan rakyat miskin, menghapuskan pemilikan harta swasta dan mewujudkan kesamarataan, dengan merancang secara sulit pemberontakan terhadap kerajaan borjuasi besar masa itu. Gerakan yang dipimpin oleh Babeuf merupakan salah satu gerakan politik moden yang terawal sekali mengilhamkan pemilikan bersama ke atas sumber pengeluaran.

# Perjuangan kelas pekerja



Hanya apabila berpisah daripada gerakan radikal borjuasi kecil, gerakan pekerja menjadi gerakan politik yang independen. Misalnya, gerakan Chartisme, iaitu gerakan yang menuntut pelaksanaan **Piagam Rakyat** (*People's Charter of 1838*) di Britain, merupakan gerakan politik pekerja terawal yang menuntut hak mengundi sejagat.

Dalam **Manifesto Komunis** yang diterbitkan pada tahun 1848, telah menggariskan bahawa kelas pekerja perlunya bukan sahaja berjuang untuk meningkatkan gaji, tetapi perlu berjuang untuk menghapuskan sistem gaji itu. Manifesto Komunis juga menyarankan bahawa kelas pekerja perlu membina parti politik pekerja yang independen, menggunakan tindakan politik di peringkat nasional dan antarabangsa untuk menyempurnakan tindakan yang perlu untuk menunaikan tuntutan ekonomi pekerja.



Karl Marx

Teori Marxis merupakan kesedaran kelas pekerja dalam bentuk yang lebih lanjut. Penggabungan perjuangan kelas pekerja dan teori revolusi Marxis, melahirkan gerakan pekerja moden.

Perjuangan kelas dalam masyarakat kapitalis telah menghasilkan pelbagai bentuk organisasi pekerja mengikut keadaan tertentu. Antaranya:

- Kesatuan sekerja
- Koperasi pekerja
- Parti politik pekerja atau parti politik sosialis

### Kesatuan sekerja

merupakan organisasi massa pekerja yang berperanan untuk memperjuangkan hak dan kepentingan pekerja, melalui tindakan kolektif seperti mogok kerja dan juga sebagai wakil pihak pekerja dalam perundingan tawar-menawar kolektif dengan majikan. Kesatuan sekerja berperanan untuk memperjuangkan tuntutan pekerja seperti kenaikan gaji, pengurangan masa kerja, penambahbaikan keadaan bekerja dan hak-hak pekerja. Namun, kesatuan sekerja menghadapi ancaman untuk berkecenderungan menjadi sebahagian daripada jentera sistem kapitalis untuk meneutralkan perjuangan pekerja, khususnya apabila operasinya menjadi semakin birokratik. Kekuatan sesebuah kesatuan sekerja terletak pada penyertaan pekerja secara demokratik dalam organisasinya.



ekonomi dengan kedai-kedai milik kapitalis dalam sistem kapitalis.



Kilang seramik Zanon di Argentina, diambilalih pekerja selepas kilang bankrap. Kilang tersebut dipulihkan operasinya oleh pekerja sendiri melalui bentuk koperasi.

### Gerakan koperasi

merupakan hasil daripada ilham yang dicetuskan oleh Robert Owen (1771-1858), seorang sosialis utopia. Koperasi adalah persatuan autonomi di mana ahlinya bekerjasama secara sukarela untuk kebaikan bersama secara sosial, ekonomi dan budaya. Gerakan koperasi itu penting kerana ia bukan sahaja sebagai sekolah yang melatih kelas pekerja untuk menguruskan ekonomi, malah ia juga boleh mempersiapkan dalam masyarakat kapitalis untuk penyelesaian bagi persoalan yang paling susah dalam pengwujudan masyarakat sosialis, iaitu persoalan pengagihan. Namun, koperasi juga menghadapi satu ancaman, iaitu menyimpang dari jalan asalnya apabila terjerumus dalam persaingan

**Parti pekerja** adalah organisasi yang mengatur perjuangan pekerja secara politik. Parti politik pekerja sepatutnya mempunyai program politik kelas yang jelas dan berperanan untuk membangunkan kesedaran kelas dalam kalangan pekerja serta mengorganisasi pekerja dari bawah. Parti pekerja adalah penting untuk membawa perjuangan ekonomi pekerja kepada perjuangan politik yang bertahap lebih tinggi, iaitu kelas pekerja mengambil alih kuasa pemerintahan daripada kelas kapitalis. ##



# PSM dalam tahun 2017

Dalam satu tahun yang lepas, PSM telah meneruskan usaha menggerakkan kuasa rakyat untuk memperjuangkan hak rakyat. Antara aksi dan aktiviti yang dianjurkan atau disertai PSM sepanjang tahun 2017 termasuk:

## Kempen Tabung Pemberhentian Kerja

Kempen yang berlangsung untuk selama dua tahun ini akhirnya membawa hasil apabila Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan telah diluluskan dalam Parlimen. Walaupun terdapatnya banyak kelemahan dalam Sistem Insurans Pekerjaan yang akan dilaksanakan tidak lama lagi, tetapi ia tidak mungkin direalisasikan tanpa desakan hebat daripada rakyat.



## Sambutan Hari Bumi di Cameron Highlands

Pertama kalinya PSM mengadakan aksi sambutan Hari Bumi di Cameron Highlands, dengan penyertaan yang menggalakkan daripada masyarakat Orang Asli berdekatan.



## Perjuangan peneroka bandar melawan pengusiran paksa

PSM melibatkan diri secara aktif dalam menyokong perjuangan masyarakat peneroka bandar di beberapa kawasan dalam melawan pengusiran paksa, antaranya Kampung Chim Lee, Jinjang Selatan, rumah bekas pegawai Masjid Lapangan Terbang Subang, peneroka Gatco dan sebagainya.



## Perjuangan petani

PSM menyokong perjuangan petani di Perak untuk melawan pengusiran paksa, khususnya di negeri Perak. PSM Sungai Siput telah melancarkan kempen "Pertahankan Pengeluaran Makanan Tempatan" untuk menyokong usaha petani untuk kekal mengusahakan tanah.

## Perjuangan pekerja ladang

PSM menyokong perjuangan pekerja dari 5 buah ladang di Batang Berjuntai, Selangor, yang menuntut pada Kumpulan Berjaya untuk melaksanakan janji membina rumah alternatif untuk mereka.

## Menyokong perjuangan Orang Asli

PSM menyokong perjuangan masyarakat Orang Asli dalam mempertahankan tanah adat mereka. PSM terlibat secara langsung dalam perjuangan Orang Asli di beberapa tempat seperti Pos Lanai (Pahang), Ledang (Johor) dan Pos Piah (Perak).

## Kempen Jelajah PSM Menuju PRU-14

PSM telah menganjurkan kempen ini untuk memperkenalkan dasar perjuangan PSM dan juga bakal calon PSM kepada rakyat di kawasan yang akan ditandingi PSM dalam PRU-14 akan datang. Kempen ini telah diadakan di kawasan-kawasan seperti Sungai Siput, Jelapang, Buntong, Menglembu, Tronoh, Batu Gajah, Malim Nawar, Kota Lama, Subang, Kota Damansara, Pelabuhan Klang, Hulu Langat, Semenyih dan Cameron Highlands.



## Aksi Hari Pekerja 1 Mei

Jawatankuasa Mei Satu yang turut disertai PSM, telah mengadakan sambutan Hari Pekerja tahunan di Kuala Lumpur, dengan tema "Hilang Kerja, Pekerja Merana - Tabung Henti Kerja Sekarang".



## Kemenangan perjuangan kawasan

17 keluarga bekas pekerja Ladang Semenyih, Selangor, telah menang dalam perjuangan menuntut hak perumahan yang berlarutan untuk 13 tahun. 24 keluarga bekas pekerja Ladang Bangi berjaya mendapat rumah percuma selepas perjuangan selama 17 tahun. 14 keluarga penduduk Kampung Pinang, Pusing, Perak, akhirnya mendapat lot rumah selepas perjuangan selama 7 tahun.



## Piagam Rakyat terhadap Perjanjian Perdagangan Antarabangsa

PSM telah mengambil inisiatif untuk mengadakan sidang meja bulat untuk membincangkan dan melakar Piagam Rakyat terhadap Perjanjian Perdagangan Antarabangsa.

## Membela hak pekerja migran

Gabungan Hak untuk Pembelaan bagi Pekerja Migran yang dianggotai PSM telah melancarkan laporan "Menuju Dasar Nasional yang Menyeluruh terhadap Migrasi Buruh untuk Malaysia" yang menggariskan cadangan untuk dasar komprehensif tentang migrasi buruh.

